# BAB SATU

# BADAN PERUNDANGAN MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

Islam mengakui bahawa badan perundangan merupakan salah satu badan yang sangat penting di dalam sesebuah negara. Badan perundangan dalam sesebuah negara Islam mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan ianya amat berbeza dengan konsep badan perundangan yang diamalkan dalam negara sekular hari ini.

## 1.1 Badan Perundangan Mengikut al-Qur'ān Dan Al-Sunnah

Kerja-kerja menggubal dan melaksanakan undang-undang Islam itu tidak mampu dilakukan oleh seorang individu sahaja. Sebaliknya ia perlu di laksanakan oleh golongan pemimpin dengan sokongan rakyat dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan Islam. Buktinya ada firman Allāh yang mengarahkan sekumpulan manusia (dalam bentuk *jama'*) supaya berlaku adil apabila menetapkan hukum di antara manusia sebagaimana firmanNya:

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ ٱلْأَمَـٰنَـٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ
أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا بَصِيرًا

Maksudnya:

> *"Sesungguhnya Allāh menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allāh memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allāh adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".*[1]

Al-Qurṭubi menjelaskan, berdasarkan kepada pendapat 'Alī Ibn Abī Ṭālib, Zayd Ibn Aslam, Syahr Ibn Hawsyab dan Ibn Zayd, perintah yang terdapat dalam ayat di atas adalah ditujukan kepada para pemimpin di kalangan umat Islam. Mereka itu termasuklah Nabi Muḥammad ṣ.'a.w. (sebagai pemimpin umat), pemimpin-pemimpin Islam di zaman Nabi, dan seterusnya kepada sesiapa sahaja yang menjadi pemimpin selepas zaman itu.[2] Beliau juga berpendapat ayat ini merupakan asas utama kepada usaha penggubalan undang-undang dan perlaksanaan hukum hakam yang terdapat di dalam syarī'ah Islam. Al-Qurṭubī bersetuju dengan pandangan yang mengatakan bahawa ayat di atas ditujukan kepada para pemimpin, ketua-ketua serta mereka yang bertanggungjawab menggubal undang-undang dan juga orang-orang yang bertugas menjatuhkan hukuman.[3] Al-Alūsī pula menjelaskan pandangan Zayd Ibn Aslam yang mengatakan perintah tersebut ditujukan kepada para pemimpin di kalangan orang-orang Islam telah dipersetujui oleh al-Jabbā'ī. Oleh itu para pemimpin hendaklah mengajak rakyat kearah menunaikan kewajipan agama dan melaksanakan syarī'ah yang datang dari Allāh.[4]

Mengikut keterangan yang dikemukakan oleh Ibn al-Jawzī[5] terdapat pula sebahagian 'ulamā' yang berpendapat bahawa perintah Allāh dalam ayat di atas adalah ditujukan kepada semua orang termasuklah para pemimpin dan rakyat (*ummah*). Pandangan sedemikian telah dikemukakan oleh Ubay Ibn Ka'b, 'Abd

Allāh Ibn 'Abbās, al-Ḥasan dan Qatādah. Ia juga telah dipersetujui oleh al-Qāḍī Abū Ya'lā.[6] Mereka berhujah bahawa rakyat bertanggungjawab untuk memilih pemimpin dari kalangan mereka. Oleh itu rakyat hendaklah memilih para pemimpin yang dapat melaksanakan suruhan Allāh sebagaimana yang terdapat dalam ayat di atas. Mereka dilarang dari melantik para pemimpin dan hakim-hakim yang bertindak mengikut hawa nafsunya.[7] Al-Jaṣṣāṣ menjelaskan, orang-orang yang menggubal undang-undang dan melaksanakan hukum Allāh tidak boleh bertindak mengikut hawa nafsunya, tidak takut kepada manusia, sebaliknya mereka hendaklah takut hanya kepada Allāh. Mereka juga janganlah menjual ayat-ayat Allāh dengan harga yang murah, iaitu jangan bertindak menukarkan hukum-hukum Allāh dengan hukum-hukum yang lain.[8]

Begitu juga sekiranya dikaji secara terperinci ungkapan "وإذا حكمتم" dan "أن تحكموا" dalam ayat di atas juga disebut dalam bentuk *jama'* (bilangan yang ramai). Ini membuktikan bahawa tugas menentukan hukum dan menggubal undang-undang di antara sesama manusia melibatkan suatu kumpulan manusia atau sebuah badan khas yang melibatkan ramai anggota. Dalam konteks sistem bernegara hari ini tugas menggubal undang-undang itu dilaksanakan oleh sebuah badan atau sebuah institusi yang dinamakan badan perundangan.

Selaras dengan itu, Allah mengarahkan manusia, khususnya umat Islam supaya membentuk sebuah komuniti tertentu (yang disebut sebagai *ummah*) yang berfungsi sebagai golongan yang menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Allāh s.w.t berfirman:

وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ وَيَأۡمُرُونَ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ
ٱلۡمُنكَرِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ

Maksudnya:

> *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'rūf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.*[9]

Para 'ulamā' mengemukakan berbagai-bagai pendapat tentang pengertian perkataan *ummah* dalam ayat tersebut. Al-Qāsimī berpendapat perkataan *ummah* di dalam ayat itu memberi pengertian satu *jamā'ah.* Ia dinamakan sedemikian kerana ia dianggotai oleh beberapa kumpulan manusia.[10] Al-Marāghī pula berpendapat perkataan *ummah* dalam ayat tersebut bermaksud sebuah *jamā'ah* yang dianggotai oleh beberapa orang individu yang mempunyai ikatan di antara satu sama lain. Kedudukan mereka ini seperti beberapa anggota pada satu badan.[11] Beliau menjelaskan perlunya wujud satu kelompok manusia yang terpilih untuk melaksanakan tugas-tugas dakwah menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Oleh itu mereka hendaklah memilih suatu kelompok dari kalangan mereka untuk melaksanakan kewajipan ini.[12] Kolompok tersebutlah yang paling layak mengambil peranan sebagai badan perundangan sebagaimana yang dituntut oleh syarī'ah Islam. Di samping itu orang lain juga hendaklah berusaha sedaya upaya melaksanakan tanggungjawab tersebut sekadar yang termampu bagi diri mereka.[13] Dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa "*ummah*" yang berus aha mengadakan segala kebaikan dan mencegah kemungkaran sememangnya layak untuk menganggotai badan perundangan dalam negara Islam.

Badan perundangan dalam negara Islam akan berfungsi sebagai pendorong kepada orang lain khususnya penduduk sesebuah negara atau negeri supaya melakukan kebaikan dan menghalang mereka dari mengerjakan perkara mungkar.

Ṭanṭāwī menjelaskan pengertian *ummah* dalam ayat di atas ialah satu *jamā'ah* yang disusun dan diatur untuk sebarang tujuan. Ia biasa digunakan bagi menunjukkan pengikut para nabi. Contohnya seperti dikatakan; kami adalah *ummah* Nabi Muhammad ṣ.'a.w.[14] Yang dimaksudkan dengan *ummah* disini ialah satu kumpulan manusia yang berusaha menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Yang dimaksudkan dengan kebaikan (*al-Khayr*) ialah perkara-perkara yang membawa kebaikan kepada manusia dari segi agama dan dunia. Manakala *al-Ma'rūf* ialah sesuatu yang dianggap baik oleh hukum syara' dan berdasarkan penilaian orang-orang yang berakal.[15]

Al-Ṭabarī pula menjelaskan pengertian ayat tersebut ialah perlu ada di kalangan orang-orang yang beriman itu satu *jamā'ah* yang mengajak manusia ke arah kebaikan iaitu kepada Islam dan syarī'ahnya sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allāh s.w.t. kepada hambanya. Begitu juga mengajak manusia supaya mengikut Nabi Muhammad ṣ.'a.w., dan agama yang didatangkan dari Allāh s.w.t.[16] Al-Andalūsī juga menjelaskan, kerja-kerja menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran tidak boleh dilakukan oleh seseorang kecuali orang tersebut mestilah tahu yang mana baik dan yang mana buruk.[17]

Dalam memberikan tafsiran mengikut zahir ayat, kebanyakan 'ulamā' berpendapat hukum menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah *farḍ kifāyah.*[18] Berdasarkan beberapa penjelasan di atas, tanggungjawab tersebut amat sesuai jika diserahkan kepada sebuah badan perundangan yang ditubuh berlandaskan konsep Islam. Tanggung jawab mencegah kemungkaran di dalam negara sememangnya tidak dapat dilakukan dengan hanya semata-mata memberi penjelasan berdasarkan al-Qur'ān dan al-Sunnah. Sebaliknya badan perundangan dan kuasa politik adalah sangat diperlukan untuk menguatkuasakan sesuatu larangan bagi mencegah kemungkaran tersebut.[19]

Terdapat hadith RasūlulLāh ṣ.'a.w. yang memberi amaran jika sekiranya umat Islam tidak melaksanakan tanggungjawab menyeru kearah kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah ditakuti Allah akan menurunkan balasan buruk dan pada masa itu doa orang-orang Islam tidak lagi dimakbulkan oleh Allāh. Al-Tirmidhī meriwayatkan hadith dari Ḥudhayfah bahawa RasūlulLāh ṣ.'a.w. bersabda:

والذى نفسي بيده لتأمرن بالمعروف ولتنهون عن المنكر أو ليوشكن الله أن يبعث عليكم عقابا منه ثم تدعونه فلا يستجاب لكم[20]

Maksudnya:

> *Demi jiwaku yang berada di tanganNya, hendaklah kamu menyeru kearah kebaikan dan mencegah kemungkaran atau sangat-sangat dibimbangi Allāh menurunkan ke atas kamu balasan buruk dariNya, kemudian kamu berdoa kepadaNya maka tidak diperkenankan doa kamu itu.*

Oleh kerana perlu diadakan sebuah badan perundangan dalam sesebuah negara atau sesebuah negeri untuk melaksanakan fungsi *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar*, maka hukum menubuhkan badan perundangan itu menjadi *farḍ kifāyah* kepada seluruh umat Islam. Badan tersebut boleh mengambil peranan sebagai *ummah* seperti yang dihuraikan dalam ayat di atas.

Penubuhan badan perundangan adalah sangat perlu untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang berlandaskan prinsip-prinsip Islam di samping menegakkan prinsip keadilan. Tentang ini Hamka pernah menegaskan:

> *"Menjadi umat Muhammad padahal tidak berani menegakkan kebenaran dan keadilan, ertinya telah menghilangkan tugas yang diistimewakan buat mereka. Sampai hari kiamat mereka wajib tegak membela kebenaran dan keadilan. Kalau itu tidak ada lagi, tidak ada pula ertinya lagi mereka menyebut diri umat Muḥammad".*[21]

Kewujudan badan perundangan yang berteraskan konsep Islam dapat menyelaraskan segala tindakan umat Islam dalam penggubalan undang-undang negara. Ianya sudah tentu akan banyak membantu mereka menegakkan keadilan serta menjadi contoh ikutan kepada seluruh manusia di muka bumi ini. Matlamat utama penubuhan sesebuah negara Islam juga ialah menggabungkan segala kekuatan yang ada bagi melahirkan manusia yang baik dan bersifat mulia.[22]

Anggota badan perundangan dalam sesebuah negara Islam hendaklah melibatkan orang-orang Islam yang mempunyai ciri-ciri "*ummatan wasaṭan*" sebagaimana yang disebut dalam firman Allāh:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ
وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Maksudnya:

> *Dan demikianlah (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan, agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.*[23]

Al-Qāsimī menegaskan, umat Islam adalah umat yang mendapat pertunjuk dari Allāh s.w.t. sehingga mereka menjadi umat pilihan yang adil dan menjadi saksi ke atas keingkaran orang-orang kafir. Umat Islam hendaklah sentiasa menegakkan keadilan dan kebenaran dan mencegah kebatilan. Beliau menegaskan orang-orang Islam adalah berada di tengah-tengah di antara orang-orang yang mementingkan kebendaan dalam kehidupannya seperti orang-orang Yahudi, musyrikīn serta orang-orang yang tiada agama dan orang-orang yang hanya mementingkan kerohanian sahaja seperti orang-orang Nasrani dan orang-orang Hindu.[24] Al-Syankītī (m. 1393H.) pula mentafsirkan kalimah *ummatan wasaṭan* itu sebagai umat yang baik dan adil kerana beliau berpendapat kesederhanaan itu adalah bermaksud kebaikan dan keadilan.[25] Sekiranya majoriti orang-orang yang bersifat demikian berada dalam sesebuah badan perundangan, sudah tentu segala kebaikan dan prinsip-prinsip keadilan lebih mudah dapat dilaksanakan.

Al-Māwardī menjelaskan perkataan *al-wasṭ* boleh diertikan sebagai keadilan kerana keadilan itu berada di tengah-tengah di antara berlebihan dan berkurangan. Maksud *al-wasṭ* ialah bersederhana dalam beberapa perkara kerana sifat orang-orang Islam itu sederhana di dalam agama, iaitu mereka bukanlah orang yang melampaui batas, bukan orang-orang yang lalai seperti orang-orang Yahudi yang menukarkan kitab-kitab Allāh dan membunuh nabi-nabi mereka serta mendustakan tuhan mereka. Allāh mensifatkan orang-orang mu'min adalah orang-orang yang bersederhana dan Allāh menyukai orang-orang yang bersifat sederhana.[26]

Al-Ṭabarī pula berpendapat Allāh menggelarkan umat Islam itu sebagai *ummatan wasaṭan* kerana mereka adalah umat yang sederhana dalam agama, iaitu mereka bukanlah umat yang melampau seperti orang-orang Nasrani yang menganggap 'Īsā sebagai anak Tuhan dan tidak juga umat yang lalai seperti golongan Yahudi yang menukarkan kitab-kitab Allāh dan membunuh nabi-nabi mereka. Oleh sebab itu Allāh telah menyifatkan umat Islam itu sebagai golongan sederhana dan sifat yang paling disukai oleh Allāh ialah kesederhanaan.[27] Namun demikian beliau juga menerima pandangan yang menyatakan bahawa *al-wasṭ* itu ialah keadilan atau kebaikan, beliau menyokong pendapat tersebut dengan mengatakan kebaikan yang terdapat di kalangan manusia itu ialah keadilan yang mereka laksanakan.[28] Pandangan itu disokong oleh Fakhr al-Rāzī yang menjelaskan, satu pendapat mengatakan bahawa perkataan *wasaṭan* di dalam ayat tersebut memberi pengertian keadilan[29] dan ada pendapat lain yang menyatakan keadilan tersebut juga merupakan kebaikan.[30]

Al-Qurṭubī pula menjelaskan *al-wasṭ* di dalam ayat tersebut memberi maksud keadilan (*al-'adl*).[31] Beliau menegaskan umat Muhammad digelar dengan istilah umat yang sederhana (*ummatan wasaṭan)* kerana mereka tidak melampau batas sebagaimana melampaunya golongan Nasrani terhadap nabi-nabi mereka. Begitu juga mereka tidak dianggap umat yang lalai sebagaimana kelalaian golongan Yahudi terhadap nabi-nabi mereka.[32] Mengikut al-Qurṭubī perkara ini disokong oleh hadith nabi yang berbunyi: خير الأمور أوسطها maksudnya ialah: "*sebaik-baik pekerjaan itu adalah yang paling sederhana*".[33]

Bagi menjelaskan maksud *ummatan wasaṭan* dalam ayat di atas al-Imam al-Bukhārī juga telah meriwayatkan sebuah hadith dari Abū Sa'īd al-Khuḍrī di mana beliau telah berkata:

ثم قرأ رسول الله صلى الله عليه وسلم وكذلك جعلناكم أمة وسطا- قال: عدلا - لتكونوا شهداء على الناس ويكون الرسول عليكم شهيدا[34]

Maksudnya:

> *Kemudian* RasūlulLāh *ṣ.'a.w. telah membaca ayat* وكذلك جعلناكم أمة وسطا *dan Baginda menjelaskan maksudnya ialah keadilan lalu Baginda meneruskan bacaan ayat;* لتكونوا شهداء على الناس ويكون الرسول عليكم شهيدا

Berdasarkan kepada hadith tersebut Ibn Ḥajar menjelaskan yang dimaksudkan dengan *al-wasṭ* ialah keadilan. Manakala *ummatan wasaṭan* dalam ayat di atas adalah bermaksud orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan tentang hukum syarā' dan bidang-bidang yang lain. Mengikut beliau merekalah (*ummatan wasaṭan*) orang-orang yang digelarkan sebagai *jamā'ah,* dan yang dimaksudkan dengan *jamā'ah* di sini ialah *ahl al-ḥal wa al-'aqd* yang ada pada setiap zaman.[35]

Merekalah golongan yang paling layak menggubal undang-undang. Manakala al-Karmānī pula menegaskan wajib ke atas mereka yang *mukallaf* mematuhi segala keputusan yang dibuat oleh *jamā'ah* yang terdiri dari para 'ulamā' dan golongan cerdik pandai Islam.[36]

Kesimpulannya, untuk menjamin pelaksanaan syari'at Islam berasaskan hukum Allah, maka sebahagian besar anggota badan perundangan negara Islam mestilah dari kalangan orang yang mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan dengan hukum syara'. Berdasarkan huraian di atas badan perundangan dalam sesebuah negara Islam hendaklah dibentuk berpandukan kepada ciri-ciri *ummatan wasaṭan* sebagaimana yang dijelaskan oleh para 'ulamā'. Ciri penting yang mesti ada pada badan tersebut ialah bersifat sederhana dengan mengutamakan kebaikan dan keadilan dalam penggubalan undang-undang, di samping bersifat membela kebenaran dan mencegah kemungkaran.

Menubuhkan badan perundangan berasaskan konsep Islam merupakan satu kaedah atau suatu jalan (*al-wasīlah*) yang boleh membantu umat Islam melaksanakan hukum-hakam dan undang-undang yang diperintahkan oleh Allāh s.w.t. Untuk mendapat keredaan Allāh, umat Islam wajib melaksanakan hukum-hakam dan undang-undang yang telah diperintahkan. Perkara ini selaras dengan firman Allāh:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱبْتَغُوٓا۟ إِلَيْهِ ٱلْوَسِيلَةَ وَجَٰهِدُوا۟ فِى
سَبِيلِهِۦ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

> *Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allāh dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepadaNya, dan berjihadlah pada jalanNya, supaya kamu mendapat keberuntungan.*[37]

Melalui ayat di atas Allāh mengarahkan orang-orang beriman supaya berusaha mencari jalan yang boleh membantu mereka untuk menghampirkan diri kepada Allāh. Dengan itu usaha menubuhkan badan perundangan berasaskan konsep Islam merupakan salah satu jalan utama untuk menghampirkan diri dan mendapat keredaan Allāh s.w.t. Al-Bayḍāwī berpendapat *al-wasīlah* ialah sesuatu perantaraan yang boleh mendatangkan pahala dan mendekatkan diri seseorang kepada Allāh s.w.t. Ini termasuklah melakukan perbuatan-perbuatan yang berbentuk ketaatan kepada Allāh dan meninggalkan perkara-perkara maksiat kepada-Nya.[38]

Al-Ṭabarī pula berpendapat usaha mencari jalan untuk menghampirkan diri kepada Allāh boleh dilakukan dengan cara beramal dengan apa yang diredai oleh Allāh s.w.t.[39] Oleh itu beliau menegaskan, hampirkanlah diri kepada Allāh dengan cara beramal dengan apa yang diredaiNya.[40] Ibn Kathir pula berpendapat *al-wasīlah* ialah sesuatu yang boleh menghasilkan sesuatu maksud tertentu.[41] Menurut beliau Qatādah ada berkata: *Hampirkan diri kamu kepada Allāh dengan mentaatinya dan beramallah dengan apa yang diredainya.*[42] Al-Sayūṭī pula mengulas maksud *al-wasīlah* di dalam tafsirnya menjelaskan: Hampirkan dirimu sekelian kepada Allāh dengan mentaatiNya dan beramal dengan apa yang diredaiNya.[43] Al-Sayūṭī menerangkan ada riwayat yang dikeluarkan oleh 'Abd al-Hamīd, Ibn Jarīr dan Ibn Mundhir dari Qatādah di mana beliau menegaskan: *Hampirkan dirimu sekelian kepada Allāh dengan mentaatiNya dan beramal dengan apa yang diredaiNya.*[44]

Al-Qāsimī pula menjelaskan pengertian perkataan *al-wasīlah* di dalam ayat tersebut ialah menghampirkan diri kepada Allāh dengan mentaati segala perintahNya. Taat kepada RasūlulLāh juga bermakna taat kepada Allāh. Ini berdasarkan firman Allāh yang bermaksud: "*Barang siapa yang mentaati Rasūl itu, sesungguhnya ia telah mentaati Allāh*"[45] Oleh itu perbuatan taat kepada Allāh dan RasūlulLāh merupakan perkara yang paling asas dalam agama dan orang-orang yang beriman tidak boleh menafikan kewajipan tersebut. Oleh itu beliau berpendapat taat kepada Allāh dan Rasul-Nya merupakan perantaraan yang boleh menjadikan seseorang itu beriman dan ianya merupakan suatu kemestian, tidak sah iman seseorang tanpanya.[46]

Mengikut pandangan al-Nasafī *al-wasīlah* di dalam ayat tersebut bermaksud semua perantaraan yang mendorong seseorang menghampirkan diri kepada Allāh s.w.t. Ini termasuklah melakukan segala ketaatan dan meninggalkan segala kejahatan.[47] Al-Zamakhsyarī pula mentafsirkan ayat tersebut dengan menjelaskan, carilah cara-cara yang boleh menghampirkan diri kepada Allāh Ta'ālā dengan melakukan ketaatan kepada Allāh dan meninggalkan perlakuan maksiat terhadapNya.[48]

Al-Sa'dī pula menjelaskan ayat tersebut memberi maksud menghampirkan diri kepada Allāh dengan melaksanakan perkara-perkara yang difardukan oleh Allāh. Ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan keimanan di dalam hati dan amalan-amalan yang dilakukan dengan anggota badan. Termasuk juga dalam jenis-jenis ibadat yang menghampirkan diri kepada Allāh ialah berusaha menolong agama Allāh sekadar mana yang termampu oleh manusia (hamba). Ketaatan merupakan jalan untuk menghampirkan diri yang *afḍal* (paling baik).[49]

Ṭanṭāwī menjelaskan *al-wasīlah* adalah bermaksud sesuatu yang menjadi perantaraan yang boleh memperdekatkan diri seseorang itu kepada Allāh s.w.t. Di antara caranya ialah dengan melakukan ketaatan kepada Allāh dan menjauhkan diri dari perkara-perkara maksiat. Di antara cara-cara untuk mendekatkan diri kepada Allāh ialah dengan mencari ilmu pengetahuan, beribadah dan menjaga kemuliaan syarī'ah Islam.[50] Mengikut Ṭanṭāwī maksud *al-wasīlah* dalam ayat tersebut ialah mencari dengan bersunguh-sungguh jalan untuk menghampirkan diri kepada Allah. Caranya ialah berterusan melakukan ketaatan dan menambahkan lagi amalan-amalan yang baik dan menjauhkan perbuatan maksiat serta kemurkaan Allāh.[51] Al-Ṣābūnī pula menjelaskan ayat tersebut memberi arahan kepada manusia supaya mencari sesuatu yang boleh menghampirkan dirinya kepada Allāh dengan cara mentaati dan beribadah kepadaNya.[52]

Syed Quṭb menjelaskan, maksud *al-wasīlah* yang terdapat dalam ayat di atas ialah suatu arahan supaya manusia mencari jalan yang boleh membawa mereka bertakwa pada Allāh.[53] Sayyid Quṭb berpendapat mengenakan hukuman keatas orang-orang yang bersalah (*'uqūbah)* adalah di antara jalan untuk mendekatkan diri kepadaNya. Bahkan pembalasan mengikut hukum Allāh merupakan salah satu cara untuk memperbetulkan perjalanan hidup seluruh manusia di dunia ini. [54] Beliau juga berpendapat suruhan supaya bertakwa kepada Allāh yang terdapat dalam ayat tersebut membuktikan bahawa ketakutan yang sebenarnya hanya takut kepada Allāh s.w.t. Mengikut beliau takut kepada Allāh akan mempertingkatkan martabat kehidupan manusia kerana ianya boleh

mengembalikan semula sifat-sifat kemuliaan yang ada pada diri mereka. Sebaliknya takut kepada makhluk seperti takut kepada pukulan seseorang atau takut kepada pedang yang dihunuskan oleh seseorang boleh menyebabkan orang yang takut itu menjadi rendah dan hina.[55]

Berdasarkan kepada beberapa pandangan di atas, sesebuah kerajaan atau negara Islam hendaklah berusaha dan mencari jalan untuk mencapai keredaan Allāh. Bagi sesebuah kerajaan atau negara Islam, kaedah untuk mendapat keredaan Allāh ialah menunaikan segala tanggungjawab yang diwajibkan dan melaksanakan hukum-hakam yang diperintahkan oleh Allāh. Bagi mempastikan terlaksananya hukum-hakam dan undang-undang yang dikehendaki itu kerajaan tersebut perlu mengadakan institusi badan perundangan yang dapat menguatkuasakan peraturan tersebut. Oleh itu penubuhan badan perundangan berlandaskan konsep Islam adalah sangat perlu untuk mendaulatkan hukum-hakam yang telah ditetapkan oleh Allāh melalui wahyu al-Qur'ān dan al-Sunnah. Maka sudah pasti ianya menjadi suatu kewajipan ke atas umat Islam untuk berbuat demikian dan ianya tidak boleh diabaikan sama sekali.

Pembentukan badan perundangan Islam juga dapat menolak teori penubuhan badan perundangan yang berasaskan fahaman sekular barat yang bercanggah dengan dasar-dasar Islam. Tidak harus bagi umat Islam dalam sesebuah negara memilih sistem politik yang jelas bercanggah dengan dasar-dasar Islam sebagaimana firman Allāh:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥٓ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ
ٱلْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَٰلًا مُّبِينًا

Maksudnya:

> *"Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allāh dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allāh dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata".*[56]

Ayat di atas menegaskan bahawa orang-orang yang beriman tidak boleh memilih sesuatu kaedah yang menjadi landasan hidup mereka sedangkan kaedah yang dipilih itu jelas bercanggah dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allāh dan Rasul-Nya. Al-Ṣābūnī menjelaskan, tidak harus bagi orang-orang yang beriman samada lelaki atau perempuan, apabila Allāh dan Rasul-Nya telah menetapkan sesuatu keputusan mengenai sesuatu perkara maka tidak harus lagi bagi mereka untuk menentukan sendiri urusan mereka. Oleh itu apabila Allāh telah memerintahkan sesuatu kepada orang-orang mu'min maka tidak harus bagi mereka untuk membuat sesuatu pilihan yang lain, bahkan wajib ke atas mereka untuk mengikut dan menerima ketetapan tersebut.[57] Mengikut pendapat Al-Ṣābūnī, perintah ayat ini adalah berbentuk umum untuk semua perkara dalam semua urusan, iaitu apabila Allāh dan Rasul-Nya telah menentukan sesuatu hukum, tidak harus lagi kepada seseorang hamba itu membuat suatu pilihan yang lain. Sesiapa yang menyalahi suruhan Allāh dan suruhan Rasul-Nya beliau dikira telah menyeleweng dari jalan yang sebenar dan beliau telah berada pada jalan yang salah dan sesat.[58]

Sa'īd Ḥawā juga berpendapat kenyataan dalam ayat ini adalah bersifat umum untuk semua perkara. Dengan itu apabila Allāh dan Rasul-Nya menetapkan sesuatu hukum maka sesiapapun tidak boleh melanggarnya dan seseorang mu'min tidak boleh melakukan perkara lain selain dari apa yang diarahkan oleh Allāh.[59] Al-Marāghī pula berpendapat sesiapa yang melanggar ketetapan yang telah ditentukan oleh Allāh dan Rasul-Nya, orang tersebut berada dalam kesesatan.[60] Oleh itu orang-orang yang membuat ketetapan sendiri terhadap sesuatu perkara, sedangkan ketetapan tersebut bercanggah dengan apa yang ditentukan oleh Allāh dan Rasul-Nya mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang telah sesat dari jalan yang sebenar.

Terdapat hadith ṣaḥīḥ yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim yang menegaskan wajib ke atas seluruh manusia mentaati Allāh dan Rasul-Nya dalam semua perkara. Hadith tersebut diambil dari Abū Hurayrah r.'a. bahawa RasūluLlāh ṣ.'a.w. bersabda:

**من أطاعني فقد أطاع الله، ومن عصاني فقد عصى الله، ومن أطاع أميري فقد أطاعني، ومن عصى أميري فقد عصاني**[61]

Maksudnya:

> *Barangsiapa yang mentaatiku maka sesungguhnya dia telah mentaati Allāh. Dan barangsiapa yang engkar kepada ku maka sesungguhnya dia telah mengengkari Allāh. Barangsiapa yang taat kepada kepimpinanku maka sesungguhnya dia telah mentaatiku dan barangsiapa yang engkar kepada kepimpinanku maka sesungguhnya dia telah mengengkariku.*

Hadith di atas adalah menyokong hujjah al-Qur'ān yang menegaskan bahawa orang-orang yang beriman tidak seharusnya memilih suatu kaedah yang menjadi

landasan hidup mereka sedangkan kaedah yang dipilih itu jelas bercanggah dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allāh dan Rasul-Nya. Oleh itu kaedah penggubalan undang-undang dalam kerajaan Islam hendaklah selaras dengan tuntutan syara' yang bersumberkan nas al-Qur'ān dan al-Sunnah. Tidak dibenarkan sama sekali mana-mana kuasa atau institusi menggubal sebarang undang-undang yang secara terang-terangan bercanggah dengan ketetapan yang diwahyukan oleh Allah.[62] Bagi perkara-perkara yang tidak terdapat ketentuan hukumnya secara jelas di dalam nas al-Qur'ān dan al-Sunnah, institusi badan perundangan bertanggungjawab untuk menyelesaikannya. Pihak kerajaan Islam melalui badan perundangan harus menggunakan saluran *ijtihad* yang berlandaskan kaedah *al-Siyasah al-Syar'iyyah* untuk menggubal undang-undang yang tidak bercanggah dengan ketetapan nas. Undang-undang yang digubal itu wajib dipatuhi oleh seluruh rakyat, kerana mematuhi semua ketetapan yang diputuskan oleh pemerintah Islam hukumnya adalah wajib.

Penubuhan badan perundangan berlandaskan prisip-prinsip Islam juga merupakan suatu kaedah yang bertepatan dengan *maqāṣid al-syarī'ah* yang bertujuan untuk menegakkan keadilan dengan menggubal undang-undang berlandaskan hukum-hakam yang telah ditetapkan oleh Allah menerusi nas al-Qur'ān, al-Sunnah dan ijtihad para 'ulama'. Dalam konteks kenegaraan tugas menggubal undang-undang adalah berat, tidak mampu dilakukan oleh individu atau kelompok tertentu sahaja, sebaliknya ia perlu dipertanggungjawabkan kepada sebuah institusi iaitu badan perundangan negara. Sebagai sebuah institusi utama dalam kerajaan Islam, badan perundangan merupakan nadi utama dalam menentukan halatuju sesebuah negara. Oleh itu pihak kerajaan Islam hendaklah menggunakan institusi tersebut dengan cara yang sebaik-baiknya untuk mencapai segala cita-cita murni sesebuah kerajaan Islam.

## 1.2 Badan Perundangan Dan Pengamalannya Dalam Kerajaan Islam

Dalam bahasa Inggeris badan perundangan lebih dikenali dengan istilah "*Legislative*". Ia merupakan sebuah badan yang mempunyai hak untuk membuat undang-undang.[63] Istilah ini berasal dari bahasa latin "*leges*" yang bererti undang-undang dan "*latun*" yang bererti membuat atau mengeluarkan.[64] Perkataan-perkataan yang ada hubungkait dengannya ialah, "*legislate*" (kata kerja) bererti menggubal undang-undang, "*legislation*" (kata nama) bererti pembentukan undang-undang, "*legislator*" (kata nama) bererti orang-orang yang menggubal undang-undang, "*legislature*" (kata nama) bererti majlis perundangan dan "*legislative*" (kata sifat) memberi maksud badan perundangan yang ada dalam sesebuah kerajaan.[65] Dalam sebuah kerajaan yang memerintah secara rasmi, istilah ini digunakan buat pertama kalinya dalam perkataan "*Assemblee Legislative*" iaitu sidang badan perundangan Prancis pada tahun 1791.[66]

Berdasarkan penjelasan dalam buku-buku politik,[67] Istilah badan perundangan (*legislative*) mula diperkenalkan apabila lahirnya doktrin pengasingan kuasa dalam pemerintahan negara.[68] Di antara orang yang terawal memperkenalkan istilah badan perundangan (*legislative*) ialah John Lock (hidup1632 hingga 1704) seorang pemikir dan ahli falsafah Inggeris. Beliau menyebut tentang *legislative* apabila memberikan huraian tentang pembahagian kuasa di dalam bukunya "*Two Treatises on Civil Government*" (1690).[69] Lock telah mengemukakan pandangan bahawa dalam pemerentahan sesebuah negara ada tiga badan yang berkuasa iaitu, badan perundangan (*legislative*), badan pemerintahan (*executive*) dan badan persekutuan (*federative*).[70]

Mengikut Lock badan perundangan adalah pemegang kuasa tertinggi dalam sesebuah negara. Peranannya ialah menentukan polisi serta undang-undang yang diamalkan dalam sesebuah negara.[71] Oleh kerana Lock berpegang kepada teori perjanjian masyarakat,[72] maka beliau berpendapat anggota badan perundangan itu hendaklah dilantik oleh institusi masyarakat. Undang-undang negara juga hendaklah ditentukan oleh masyarakat. Mengikut beliau, sekiranya orang ramai ingin mengemukakan cadangan, mereka bolehlah mengemukakannya kepada badan perundangan yang dilantik oleh institusi masyarakat tersebut.[73] Menurut beliau walaupun badan perundangan merupakan pemegang kuasa tertinggi, ia masih lagi terikat dengan perlembagaan yang ditetapkan di dalam sesebuah negara.

Istilah dan konsep badan perundangan kemudian diulas pula oleh Baron de Montesquieu (hidup 1689 hingga 1755) seorang ahli politik Prancis.[74] Beliau telah menjelaskan di dalam bukunya "*L 'Esprit des Lois*" atau "*The Spirit of Law*" (1748) bahawa kuasa dalam sesebuah negara itu hendaklah dibahagikan kepada tiga badan iaitu badan perundangan (*legislative*), badan pemerintahan dan pentadbiran (*executive*) dan badan kehakiman (*judiciary*).[75]

Mengikut pandangan Montesquieu, secara dasarnya kuasa menentukan undang-undang adalah terbuka untuk seluruh rakyat. Tetapi oleh kerana bilangan penduduk sesebuah negara itu terlalu ramai dan sempadan negara terlalu luas maka tugas tersebut bolehlah diserahkan kepada perwakilan yang dilantik. Mengikut Montesquieu perwakilan yang dilantik itu hendaklah terdiri dari

dua golongan.[76] Kumpulan pertama ialah, dari golongan pemimpin atasan (*aristocracy*) seperti bangsawan, raja-raja dan mereka yang dilantik menjadi pemimpin berdasarkan keturunan. Kumpulan kedua ialah golongan rakyat biasa yang dipilih oleh rakyat sebagai wakil mereka untuk menggubal undang-undang negara.[77]

Bentuk dan corak badan perundangan yang diamalkan dalam sesebuah negara adalah berbeza dengan negara yang lain. Nama dan istilah yang digunakan juga adalah tidak sama kerana ianya boleh ditentukan sendiri oleh pemerintah dan perlembagaan negara berkenaan. Sebagai contoh untuk perbandingan, badan perundangan di Amerika dinamakan dengan istilah "*Congress*", di Prancis ia dinamakan "*National Assembly*",[78] di Soviet Union dipanggil "*Supreme Soviet*", di negara Israel dinamakan "*Knesset*", di Jepun dinamakan, "*Diet*", di Italy dinamakan "*Parlamento*", di Zaire dinamakan "*Legislative Council*", di Kuwait dinamakan "*Majlis el Umma*", di Jerman dinamakan "*Bundestag*", di Spanyol dinamakan "*Cortes*" dan di Republik Ireland dinamakan "*Dail*". Manakala istilah "*parliament*" pula digunakan untuk badan perundangan bagi United Kingdom, India, Pakistan, Malaysia dan beberapa buah negara lain.[79]

Dari perbincangan di atas didapati doktrin pembahagian dan pengasingan kuasa telah melahirkan istilah badan perundangan.[80] Teori di atas menegaskan dalam sesebuah negara mesti ada sebuah badan yang bergelar badan perundangan yang wujud secara berasingan dari institusi atau badan-badan yang lain. Badan perundangan tersebut merupakan badan yang terpenting dalam sesebuah

negara kerana tugas utamanya ialah menentukan sebahagian besar polisi negara dan menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan di dalam sesebuah negara. Badan perundanganlah yang menentukan apakah sepatutnya dilakukan oleh badan pentadbiran dan badan kehakiman di dalam negara tersebut. Sekiranya tidak ada badan perundangan sudah tentu badan-badan lain akan mengalami kesukaran untuk bertindak dan kemungkinan besar kerajaan yang ada tidak mampu mengendalikan pemerintahan dengan baik.

Walaupun konsep pembahagian dan pemisahan kuasa ini diklasifikasikan secara terperinci oleh para pemikir politik barat, konsep tersebut tidaklah bertentangan dengan konsep politik Islam yang sepatutnya diamalkan oleh umat Islam. Pengamalan konsep pembahagian dan pemisahan kuasa dalam sesebuah negara tidak menjadi kesalahan di sisi Islam kerana ia merupakan persoalan politik yang boleh difikir sendiri oleh umatnya. Pelaksanannnya juga secara jelas tidak bercanggah dengan dalil-dali al-Qur'ān dan al-Sunnah. Ia juga selaras dengan *maqāṣid al-syarī'ah* yang pasti mendatangkan kebaikan kepada umat Islam sepanjang masa.[81]

Dalam sistem politik Islam tiga badan ini lebih dikenali dengan istilah *al-Sulṭah al-Tasyrī'iyyah* (badan perundangan), *al-Sulṭah al-Tanfīdhiyyah* (badan pemerintahan) dan *al-Sulṭah al-Qaḍā'iyyah* (badan kehakiman).[82] Namun begitu peranan badan-badan tersebut mengikut pandangan Islam amat berbeza dengan konsep dan pengamalan cara barat. Islam berpendapat badan-badan tersebut hendaklah bertindak berlandaskan hukum syara' dan ijtihad para 'ulama', sedangkan mengikut konsep barat badan-badan tersebut hendaklah bertindak mengikut ketetapan yang dibuat oleh kerajaan yang memerintah, berdasarkan ideologi yang mereka amalkan.[83]

Mengikut pandangan Syaykh 'Abd al-Wahhāb Khallāf, badan perundangan diberikan kuasa untuk berusaha memahami naṣ-naṣ asas yang datang dari Allāh, seterusnya melaksanakannya. Mereka juga diberi kuasa untuk menggubal undang-undang[84] terhadap perkara-perkara semasa yang baru berlaku. Dalam usaha menggubal undang-undang itu badan perundangan hendaklah mengambil kira soal kemaslahatan dan keperluan yang akan dihasilkan dari pelaksanaan undang-undang tersebut.[85]

Muḥammad Salām Madkūr pula berpendapat, mengikut difinisi undang-undang, badan perundangan bolehlah ditakrifkan sebagai kumpulan tertentu yang dipilih dari kalangan *ummah* yang kemudian diserahkan kepada mereka tugas menggubal undang-undang.[86] Dr. 'Abd Qādir Muṣṭafā pula menta'rifkan badan perundangan Islam itu sebagai badan yang bertugas menyampaikan hukum-hakam dan mentafsirkan naṣ syara'. Beliau juga menjelaskan badan tersebut mestilah melaksanakan tugas yang sepatutnya dilaksanakannya, iaitu berusaha menggubal undang-undang.[87]

Sulaymān al-Ṭamāwī pula berpendapat, badan perundangan Islam sentiasa terikat dengan ketetapan naṣ al-Qur'ān dan al-Sunnah. Peranannya yang lain ialah memperluaskan hukum berlandaskan hukum-hakam yang terdapat di dalam naṣ tersebut.[88] Muṣṭafā Abū Zayd Fahmī pula berpendapat badan perundangan ialah badan yang mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang. Maksud menggubal undang-undang ialah menyusun kaedah undang-undang yang sesuai dan tersusun dalam pelbagai aspek hidup bermasyarakat, iaitu mencakupi bidang politik, ekonomi dan kemasyarakatan.[89]

Profesor Dr. T.M. Hasbi Shiddieqy menamakan badan perundangan sebagai "*al-Hay'ah al-Tasyrī'iyyah*". Beliau menegaskan bahawa orang Islam dituntut supaya menubuhkan "*al-Hay'ah al-Tasyrī'iyyah*" dalam sesebuah negara.[90] Sebabnya adalah dalam kehidupan kita sekarang terlalu banyak perkara baru yang perlu diselesaikan berpandukan undang-undang yang digubal berasaskan hukum Islam.

Berdasarkan beberapa difinisi yang dikemukakan oleh para sarjana Islam di atas, dapatlah difahami bahawa badan perundangan mengikut perspektif Islam adalah merupakan sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal undang-undang berpandukan nas al-Qur'ān dan al-Sunnah bukannya berdasarkan akal fikiran semata-mata.[91] Ini bermaksud jika sesuatu peraturan itu merupakan hukum *qat'i* yang datang dari al-Qur'ān atau al-Sunnah maka hukum tersebut wajib diisytiharkan oleh badan perundangan Islam sebagai undang-undang. Pada masa ini status hukum tersebut yang sah menjadi undang-undang tidak boleh dipertikaikan lagi oleh sesiapa. Sebagai contoh al-Qur'ān secara *qat'ī* menegaskan hukuman sebat seratus kali wajib dikenakan ke atas penzina (yang bukan *muḥsan*) dalam firmanNya:

الزانية والزانى فاجلدوا كل واحد منهما مائة جلدة

Maksudnya:

> *"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat".*[92]

Ayat di atas menjelaskan dengan tepat ketentuan hukum had ke atas penzina, iaitu seratus kali sebat, tidak boleh lebih atau kurang. Dengan itu wajib ke atas badan perundangan kerajaan Islam mengisytiharkan ketetapan tersebut sebagai undang-undang yang sah. Inilah apa yang dimaksudkan oleh para sarjana Islam di atas bahawa badan perundangan Islam hendaklah berusaha memahami naṣ-naṣ asas yang datang dari Allāh, seterusnya melaksanakannya. Begitulah apa yang sepatutnya dilakukan oleh badan perundangan untuk mendaulatkan hukum Allah. Kesimpulannya tidak harus dan tidak sah bagi badan perundangan untuk menggubal undang-undang yang jelas bertentangan dengan nas yang *qat'ī*.

Persoalan yang kedua ialah bagaimana pula kaedah yang sepatutnya digunakan badan Perundangan Islam untuk menggubal undang-undang yang tidak dijelaskan secara terperinci oleh al-Qur'ān dan al-Sunnah. Secara dasarnya bagi menyelesaikan persoalan yang tidak terdapat secara jelas di dalam nas al-Qur'ān dan al-Sunnah, badan perundangan bolehlah merujuk kepada keputusan *ijma'* dan *al-Qiyas* semasa penggubalan undang-undang. Selain dari al-Qur'ān, al-Sunnah, *Ijma'* dan *al-Qiyas* sebagai sumber utama. Terdapat lagi beberapa kaedah ijtihad yang boleh membantu badan perundangan menggubal undang-undang seperti kaedah *Maṣāliḥ al-Mursalah, al-Istiḥsān, al-Istiṣḥab, Sad al-Dharā'i', al-'Urf*, dan sebagainya. Itulah apa yang dimaksudkan oleh syaykh Abd al-Wahhab Khallaf:

> *"Dalam usaha menggubal undang-undang itu badan perundangan hendaklah mengambil kira soal kemaslahatan dan keperluan yang akan dihasilkan dari pelaksanaan undang-undang tersebut".*[93]

Penggunaan kaedah-kaedah yang dibenarkan oleh siasah syar'iyyah sebagai metod *Ijtihad* dalam penggubalan undang-undang patut digunakan, terutamanya sewaktu pihak kerajaan Islam berhadapan dengan isu-isu kontemporari yang memerlukan penyelesaian segera. Contohnya kaedah *Maṣāliḥ al-Mursalah* dan *Sadd al-Dharā'i'* patut sekali digunakan semasa penggubalan undang-undang agar undang-undang yang digubal terjamin boleh mendatangkan *maṣlaḥah* kepada umat Islam sejagat serta selaras dengan semangat perundangan Islam yang sejati. Amalan tersebut sesuai dengan matlamat utama pelaksanaan konsep siasah syar'iyyah dalam penggubalan undang-undang.

Selain itu terdapat beberapa faktor yang mendorong perlunya kewujudan badan perundangan dalam negara Islam. Di antaranya ialah:

a. Persoalan politik negara dan penggubalan undang-undang amat sukar diselesaikan dengan cara menyerah tugas-tugas tersebut kepada orang ramai tanpa diwujudkan suatu badan yang bertanggungjawab untuk berbuat demikian. Bahkan perlu ditubuhkan sebuah majlis perundangan yang bertanggungjawab mewakili rakyat menggubal undang-undang dan menyuarakan kehendak-kehendak rakyat. Mereka yang dilantik itu hendaklah mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri khusus yang layak untuk memikul tanggungjawab sebagai anggota badan perundangan.

b. Tidak semua rakyat dalam sesebuah negara itu sesuai dan berkelayakan untuk dilantik sebagai anggota badan perundangan. Pelantikan anggota badan

perundangan mestilah dibuat berasaskan syarat-syarat yang ditetapkan contohnya orang tersebut mestilah cukup kemampuan, banyak pengalaman dan mengetahui secara terperinci tentang kaedah penggubalan undang-undang. Sifat-sifat sedemikian tidak terdapat di kalangan orang-orang awam.

c. Persoalan yang berkaitan dengan polisi negara dan penggubalan undang-undang tidak sesuai untuk dibincangankan dengan rakyat secara umum. Ianya boleh diselesaikan oleh kelompok atau golongan tertentu yang terlibat sahaja. Tidak munasabah sama sekali sebuah majlis perundangan itu boleh melibatkan semua orang.

d. Atas dasar tuntutan dan kewajipan fardu kifayah menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran, rakyat hendaklah melantik wakil mereka yang mampu memainkan peranan sedemikian. Institusi badan perundangan dalam negara Islam sememangnya mampu untuk mendorong rakyat melakukan kebaikan, mencegah kemungkaran dan menjaga kemaslahatan dalam negara.

e. Kewajipan rakyat menta'ati ulu al-amr dalam kerajaan Islam akan terlaksana apabila rakyat bertindak melantik anggota majlis perundangan sebagai wakil mereka yang sentiasa bekerjasama dengan para pemimpin dalam pemerentahan negara Islam.

## 1.3 Golongan *Ulu al-Amr* Dalam Badan Perundangan

Di dalam al-Qur'ān terdapat istilah "*ulu al-amr*" yang memberi maksud orang-orang yang mempunyai kekuasaan ke atas rakyat dalam sesebuah negara. Dalam Sūrah al-Nisā' (4) Allāh berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى
ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ

Maksudnya:

> *"Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allāh dan taatilah Rasul-Nya dan juga ulu al-amr (orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu)".*[94]

Dalam ayat lain pada Sūrah yang sama Allāh berfirman:

وَإِذَا جَآءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ ٱلْأَمْنِ أَوِ ٱلْخَوْفِ أَذَاعُوا۟ بِهِۦ ۖ وَلَوْ
رَدُّوهُ إِلَى ٱلرَّسُولِ وَإِلَىٰٓ أُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ ٱلَّذِينَ يَسْتَنۢبِطُونَهُۥ
مِنْهُمْ

Maksudnya:

> *"Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan dan kecemasan, mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada RasūlulLāh dan kepada ulu al-amr (orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka..."*[95]

Merujuk kepada beberapa pendapat dan tafsiran 'ulamā', istilah "*ulu al-amr*" memberi pelbagai pengertian. Ada pendapat yang mengatakan mereka ialah pemimpin tentera. Mengikut Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ pendapat yang

mengatakan mereka ialah pemimpin tentera dikemukakan oleh Maymūn Ibn Mahram.[96] Mengikut Ibn al-'Arabī pula pendapat yang mengatakan mereka ialah pemimpin tentera adalah berdasarkan satu riwayat daripada 'Abd Allāh Ibn 'Abbās dan Abū Hurayrah.[97] Pendapat lain pula mengatakan mereka adalah ahli *fiqh* dan para 'ulamā'. Dalam Tafsīr al-Ṭabarī dan al-Qurṭubī disebut "*ulu al-amr*" ialah para fuqahā' yang mahir dalam masalah agama dan ilmu akal. Mengikut Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ lagi pendapat yang mengatakan mereka ialah ahli *fiqh* dan 'ulamā' dikemukakan oleh Jābir, Mālik dan para tābi'īn yang terkemudian.[98] Satu pendapat lagi mengatakan mereka ialah para 'ulamā' sahaja. Mengikut Ibn al-'Arabī satu riwayat daripada Ibn 'Abbās, Ḥasan, 'Aṭā' dan Mujāhid bersetuju mengatakan mereka ialah 'ulamā'.[99] Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ pula menjelaskan Ibn Muslim juga berpendapat mereka ialah 'ulamā'.[100]

Ibn al-'Arabī mengemukakan pendapat beliau sendiri tentang maksud "*ulu al-amr*" di dalam tafsirannya.[101] Beliau berpendapat mereka ialah golongan pemerintah (*umarā'*) dan para 'ulamā'. Sebab-sebab mengapa beliau mengatakan "*ulu al-amr*" itu pemerintah ialah kerana mereka berkuasa mengeluarkan arahan dan mampu menjalankan hukuman. Manakala sebab beliau berpendapat "*ulu al-amr*" dalam ayat ini juga dimaksudkan para 'ulamā' adalah berdasarkan kepada besarnya tugas mereka, iaitu memimpin manusia. Beliau berhujah, adalah tidak munasabah tugas yang begitu berat (memimpin manusia) diserahkan kepada orang yang jahil sedangkan orang ramai diwajibkan mematuhi arahan pemimpin tersebut. Oleh itu "*ulu al-amr*" yang disebut di dalam ayat di atas juga adalah bermaksud golongan 'ulamā'. Kesimpulannya, mengikut pandangan Ibn al-'Arabī, "*ulu al-amr*" atau pemimpin yang berkuasa dalam pemerintahan negara adalah gabungan di antara *umarā'* dan 'ulamā'.[102]

Al-Syaykh Muḥammad Abū Zahrah menjelaskan kebanyakan ahli *fiqh* di kalangan *al-tābi'īn* dan orang-orang yang selepasnya berpendapat "*ulu al-amr*" adalah para 'ulamā'.[103] Al-Syaykh Maḥmūd Syaltūt pula menegaskan bahawa "*ulu al-amr*" ialah orang yang mampu memberikan pandangan, yang mengetahui segala aspek tentang ummah ini serta boleh menentukan yang mana baik atau tidak untuk ummah itu. Urusan yang berkaitan dengan ummah adalah sangat banyak. Ini termasuklah urusan yang berkaitan dengan pertahanan negara, kehakiman, keewangan, hubungan luar dan berbagai-bagai aspek lain lagi. Setiap bidang itu adalah diwakili oleh seorang pakar dalam bidang tersebut. Wakil itulah yang dikenali sebagai "*ulu al-amr*" di kalangan ummah. Mereka merupakan anggota *ijmā'* yang mana keputusan yang mereka buat hendaklah dipatuhi oleh semua orang.[104]

Mengikut Ẓāfir al-Qāsimī, Dr. Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī berpendapat bahawa "*ulu al-amr*" adalah orang-orang yang dikenali sebagai *al-mujtahidūn*. Mengikut istilah *Uṣūl al-Fiqh* dan istilah *fiqh* ia dikenali sebagai *ahl al-ḥal wa al-'aqd*. Kemudian beliau menjelaskan ada dua ciri baik yang terdapat pada *ahl al-ḥal wa al-'aqd* iaitu, memberi *bay'ah* kepada sesiapa yang dianggap layak untuk dilantik menjadi *Imām* dan ber*ijtihad* menentukan hukum sehingga sampai ketahap *ijmā'*.[105]

Dr. Maḥmūd Ḥilmī menjelaskan Syaykh Aḥmad Huraydī pula berpendapat, "*ulu al-amr*" di kalangan ummah ialah orang yang mempunyai ide yang cekap dan pemikiran yang tajam dalam semua lapangan kehidupan. "*Ulu al-amr*" juga orang yang mempunyai pengkhususan dalam sesuatu bidang dan

dapat berbincang serta memberikan pandangan dalam berbagai-bagai bidang. Ummah dan orang ramai mengenali mereka dan menyedari akan kebolehan, keberkesanan dan ketinggian ilmu mereka seterusnya melantik mereka mewakili orang ramai dengan penuh kepercayaan dan sepenuh penyerahan.[106]

Mengikut pandangan Dr. 'Abd al-Ḥāmid Mutawallī, "*ulu al-amr*" itu terdiri dari dua golongan: Pertama ialah "*ulu al-amr*" yang dikaitkan dengan urusan agama. Mereka ialah 'ulamā' *mujtahidīn* dan ahli Majlis Fatwa. Kedua "*ulu al-amr*" yang dikaitkan dengan urusan dunia, iaitu "*ulu al-amr*" yang menjadi pemerintah dalam sesebuah negara. Mereka ialah golongan yang memegang dua kuasa secara serentak iaitu memegang kuasa perundangan dan kuasa pemerentahan. Mereka juga menjadi ketua dalam sesebuah negara.[107]

'Abd al-Wahhāb Khallāf pula berpendapat lafaz *al-amr* memberi pengertian urusan iaitu berbentuk umum termasuklah urusan agama dan urusan keduniaan. "*Ulu al-amr*" yang bercorak keduniaan ialah Raja-raja, para-para ketua dan pemerintah. "*Ulu al-amr*" yang berkaitan dengan urusan agama pula ialah para 'ulamā' *mujtahid* serta ahli-ahli majlis fatwa.[108] Sebahagian dari ahli tafsīr seperti 'Abd Allāh Ibn 'Abbās mentafsirkan "*ulu al-amr*" dalam Sūrah al-Nisā' (4) ayat 59 memberi maksud para 'ulamā'. Manakala 'ulamā' lain ada yang mentafsirkan mereka ialah *umarā'* dan para *walī*. Mengikut tafsiran secara zahir ayat ini menggambarkan "*ulu al-amr*" itu adalah orang-orang yang wajib ditaati dalam mana-mana komuniti atau institusi seperti ketua negara, ketua negeri, ketua masyarakat dan ketua keluarga.[109]

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

A511141365

Dalam Tafsīr al-Kassyāf, al-Zamakhsyarī berpendapat "*ulu al-amr*" *pada* ayat 59 Sūrah al-Nisā' (4) ialah pemimpin yang berada di atas jalan kebenaran, bukannya pemimpin yang durhaka kepada Allāh dan Rasul-Nya. Pemimpin yang wajib ditaati ialah pemimpin yang adil, bertindak selaras dengan kehendak Allāh dan Rasul, mematuhi arahan al-Qur'ān dan al-Sunnah, menunaikan amanah, menyeru orang lain ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Mengikut beliau contoh "*ulu al-amr*" ialah *al-Khulafā' al-Rāsyidūn.*[110] Manakala "*ulu al-amr*" dalam ayat 83 Sūrah al-Nisā' (4) pula beliau berpendapat, mereka ialah para sahabat yang rapat dengan RasūlulLāh dan orang-orang yang berpengalaman luas yang mengendalikan berbagai-bagai urusan pentadbiran negara.[111]

Ibn Kathīr menjelaskan berkaitan dengan ayat 59 Sūrah al-Nisā' (4) terdapat banyak hadith yang menjelaskan bahawa "*ulu al-amr*" itu ialah pemimpin yang benar lagi adil. Beliau juga berpendapat yang dipanggil "*ulu al-amr*" itu adalah umum termasuk dari golongan pemimpin (*umarā'*) dan 'ulamā'. Dinyatakan juga penjelasan dari 'Abd Allāh Ibn 'Abbās bahawa "*ulu al-amr*" itu ialah ahli agama dan ahli *fiqh.*[112]

Al-Ṭabarṣī, penulis *Majma' al-Bayān,* menjelaskan dalam ayat 59 Sūrah al-Nisā' (4) para ahli tafsīr mengemukakan berbagai-bagai pandangan tentang "*ulu al-amr*". Sebahagian 'ulamā' berpendapat mereka ialah para ketua dan sebahagian yang lain mengatakan mereka adalah 'ulamā' yang menjadi

sumber rujukan dalam masalah hukum bukannya *walī* (ketua).[113] Semasa menjelaskan ayat 83 Sūrah al-Nisā' beliau menyatakan, Abū Ja'far berpendapat "*ulu al-amr*" ialah pemimpin yang *ma'ṣūm*. Al-Hasan dan Qatādah pula mengatakan mereka ialah ahli ilmu dan ahli *fiqh*. Ada juga 'ulamā' lain yang berpendapat "*ulu al-amr*" dalam ayat 83 Sūrah al-Nisā' itu adalah umum kepada sesiapa sahaja yang diberi tanggungjawab menjaga urusan manusia.[114]

Al-Imām Fakhr al-Rāzī pula berpendapat "*ulu al-amr*" ialah *ahl al-ḥal wa al-'aqd* termasuklah para ketua, sultan-sultan dan pemerentah. Beliau juga menyatakan ada 'ulamā' lain yang berpendapat "*ulu al-amr*" itu ialah *al-khulafā' al-Rāsyidūn*, ketua tentera dan 'ulamā' yang layak memberi fatwa dalam masalah hukum. Golongan *Rawāfiḍ* (Syī'ah) pula berpendapat "*ulu al-amr*", ialah *Imām* yang ma'ṣūm.[115]

Syed Muḥammad Rasyīd Riḍā (m. 1354 H.) pula berpendapat anggota badan perundangan yang sepatutnya menggubal undang-undang ialah "*ulu al-amr*". Mengikut pendapat beliau, "*ulu al-amr*" bukanlah mencipta undang-undang, tetapi mereka adalah orang yang mempunyai kewibawaan untuk menjelaskan undang-undang yang terdapat di dalam naṣ al-Qur'ān.[116] Beliau juga menjelaskan Muḥammad 'Abduh (m. 1324 H.) telah memberikan pengertian yang lebih luas terhadap "*ulu al-amr*" iaitu, termasuklah para pemimpin, hakim, 'ulamā' dan para pemimpin yang menjadi tempat rujukan orang ramai.[117] Muḥammad Salām Madkūr pula menjelaskan "*ulu al-amr*" yang disebutkan di sini juga memberi maksud pemerintah yang memegang kekuasaan. Pemerintah tersebut adalah dilantik oleh orang ramai dengan memberi *bay'ah* kepada mereka.[118]

Ibn Taymiyyah, Syaykh Maḥmūd Syaltūt dan 'Abd al-Qādir 'Awdah pula berpendapat, tugas menggubal undang-undang hendaklah diserahkan kepada "*ulu al-amr*" yang terdiri dari kalangan 'ulamā' dan *umarā'*. Mereka berpendapat gabungan kedua-dua golongan itu dinamakan "*ahl al-Syūrā*".[119] Syaykh Syaltūt juga berpendapat, "*ulu al-amr*" itu bukan sahaja di khususkan kepada para ahli *fiqh* dan 'ulamā' *mujtahidīn* yang mahir dalam bidang hukum hakam semata-mata, tetapi termasuk juga golongan pakar dalam bidang-bidang yang lain. Memang para fuqahā' dan 'ulamā' *mujtahidīn* itu seorang yang alim dan mahir dalam bidang Bahasa Arab, Ilm al-Kitāb dan al-Sunnah, dihormati oleh orang ramai, tetapi mereka tidak semuanya mahir dalam berbagai-bagai bidang lain seperti bidang ketenteraan dan peperangan, pertanian, perniagaan, pengurusan, politik dan lain-lain.[120] Oleh itu mengikut Syaykh Syaltūt yang dinamakan "*ulu al-amr*" termasuklah golongan-golongan yang pakar dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan keduniaan, termasuklah bidang pertahanan negara, bidang pertanian, bidang pengurusan, bidang politik dan lain-lain.[121]

Dr. Muḥammad 'Alī Jarīsyah berpendapat anggota badan perundangan dalam sesebuah negara Islam ialah golongan yang bergelar "*ulu al-amr*". Beliau berpendapat sedemikian kerana peranan "*ulu al-amr*" itu telah dinaṣkan secara jelas oleh Allāh s.w.t. di dalam al-Qur'ān al-Karīm. Mengikut pandangan beliau, mereka yang berpendapat badan perundangan adalah di

anggotai oleh golongan rakyat (*ummah*) semata-mata adalah terpengaruh dengan teori politik demokrasi. Begitu juga pendapat yang mengatakan anggota badan perundangan merupakan anggota perwakilan yang dipilih oleh rakyat secara bebas, telah terpengaruh dengan sistem politik berparlimen yang telah diperkenalkan oleh sistem politik barat.[122] Bagi umat Islam mereka hendaklah memilih pemimpin yang mempunyai ciri-ciri "*ulu al-amr*" sebagaimana yang telah disebut oleh al-Qur'ān. Alasan lain yang beliau berikan ialah "*ulu al-amr*" merupakan orang yang paling layak untuk menjalankan pemerintahan kerana pelantikan beliau itu melengkapi syarat-syarat sebagai penggubal undang-undang mengikut pandangan Islam. "*Ulu al-amr*" juga mempunyai kuasa untuk menyusun dan menubuhkan badan perundangan dalam sesebuah negara Islam.[123]

Beliau juga berpendapat, "*ulu al-amr*" adalah orang yang melaksanakan kekuasaan yang ditetapkan oleh naṣ syara'. Mereka ialah pemegang kekuasaan dalam negara iaitu imām atau pemimpin. Selain itu gelaran tersebut juga diberikan kepada *ahl al-ijtihād* dan *ahl al-ḥal wa al-'aqd* yang mempunyai kuasa dalam pemerintahan negara. Mereka adalah orang yang diberi kuasa untuk menegakkan syarī'ah Allāh berdasarkan beberapa kelayakan tertentu yang ada pada diri mereka.[124] Oleh itu segala tafsiran 'ulama' tentang maksud ayat-ayat di atas bolehlah dijadikan sebagai panduan kepada umat Islam kini bagi membentuk badan perundangan mengikut perspektif Islam yang sebenar.

Keseluruhan huraian di atas menunjukkan para 'ulama' telah memberikan penafsiran yang sangat meluas tentang pengertian "*ulu al-amr*" berdasarkan ayat-ayat 59 dan 83 dari Sūrah al-Nisā'. Di antara pengertian "*ulu al-amr*" sebagaimana yang telah dijelaskan oleh para 'ulama' ialah pemimpin tentera, 'ulama', ahli *fiqh*, para pemerintah (*umara'*), penggubal polisi dan undang-undang negara, penguasa yang melaksanakan syari'at Allah, pemimpin yang diberi *bay'ah* oleh rakyat dan lain-lain. Oleh itu secara keseluruhannya "*ulu al-amr*" yang bererti *orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu* dalam ayat di atas bukanlah bermaksud seorang penguasa, seorang pemimpin atau ketua negara sahaja. Sebaliknya ia merujuk kepada suatu kumpulan penguasa dan para pemimpin yang menjadi teras dalam pemerintahan sesebuah kerajaan Islam. Kumpulan para pemimpin itulah sebenarnya yang membentuk suatu gabungan yang dinamakan badan perundangan dalam kerajaan Islam.

Kesimpulannya maksud "*ulu al-amr*" dalam ayat-ayat 59 dan 83 dari Sūrah al-Nisā' ialah merujuk kepada sebuah badan perundangan yang dibentuk berasaskan konsep Islam yang sebenar dan mempunyai kuasa untuk menentukan segala polisi dan undang-undang yang akan diamalkan oleh kerajaan Islam. Berdasarkan ayat di atas juga, taat kepada keputusan yang dibuat oleh badan perundangan Islam (*ulu al-amr*) adalah wajib, sama hukumnya mentaati perintah Allah dan RasululLah s.'a.w.

## 1.4 Struktur Badan Perundangan Islam

Kebanyakan persoalan yang berkaitan dengan urusan politik dan kenegaraan hanya disebut secara umum sahaja oleh al-Qur'ān. Arahan yang terdapat di dalam al-Qur'ān adalah berbentuk umum iaitu umat Islam dikehendaki melaksanakan sistem permesyuaratan sesama mereka dalam urusan memerintah negara.[125] Hal ini adalah sesuai dengan prinsip al-Qur'ān yang menyebut sesuatu perkara itu secara umum sahaja tanpa menditilkan persoalan tersebut satu persatu. Cukup baginya menyebut asas-asas umum sahaja. Bagi umat Islam ini adalah suatu peluang yang amat baik di mana hukum yang dijelaskan oleh al-Qur'ān itu boleh di olah mengikut masa dan keadaan yang sentiasa berubah-ubah. Oleh itu secara dasarnya umat Islam sendiri boleh ber*ijtihād* membentuk badan perundangan sesuai dengan masa dan keadaan. Ia boleh dilakukan berasaskan panduan umum yang terdapat di dalam naṣ syara'.[126]

Berdasarkan kepada amalan yang telah dilakukan oleh RasululLah s.'a.w., para sahabat dan tabi'in persoalan untuk menentukan saiz badan perundangan, berapa dewan yang perlu ada, bagaimana bentuk dewan-dewannya, berapa orang anggotanya dan lain-lain merupakan persoalan *ijtihad* yang boleh ditentukan sendiri oleh sesebuah kerajaan Islam. Tidak ada naṣ yang *qat'i* secara terperinci yang menjelaskan tentang semua perkara tersebut. Penentuan bentuk dan saiznya terserah kepada pihak pemerintah atau kerajaan Islam untuk menentukannya sesuai dengan keadaan masa, tempat dan suasana. Tetapi ia perlu dibentuk dengan sebaik-baiknya bagi memenuhi tuntutan sebenar kewujudan sesebuah badan perundangan mengikut perspektif Islam.

Apabila ditinjau pengamalannya dalam sejarah pemerintahan Islam didapati sebelum masyarakat Islam berada dalam bentuk yang besar dan kompleks belum ada sebarang bentuk pilihanraya tertentu bagi melantik anggota badan perundangan negara.[127] Apa yang berlaku pada masa itu ialah terdapat ramai para pemimpin yang dipilih untuk mewakili kelompok mereka menjadi anggota badan perundangan. Bagaimana cara untuk memilih tidak ditentukan, sebaliknya pemilihan dibuat mengikut kehendak dan kebiasaan yang diamalkan dalam masyarakat pada masa itu. Pemilihan berlaku secara tabi'i, dengan cara masing-masing tetapi masih menjamin kehendak-kehendak dan keputusan rakyat. Pemimpin yang dipilih juga sangat sesuai dan memang berkelayakan. [128]

Secara fitrahnya di zaman awal Islam keanggotaan dan peranan dalam badan perundangan dipelopori oleh para 'ulama' dari kalangan ahli-ahli fiqh dan golongan cerdik pandai Islam, yangmana keanggotaan mereka ini sebagai perwakilan politik diiktiraf secara rasmi oleh masyarakat pada masa itu. Walaupun belum ada sistem pilihanraya umum perwakilan yang dilantik itu mendapat persetujuan dan pengiktirafan dari masyarakat Islam keseluruhannya secara *fiṭrah.*[129] Perlantikan tersebut diredhai dan mendapat kepercayaan (*thiqah*) sepenuhnya dari umat Islam berasaskan ciri-ciri kepimpinan yang diterima ramai pada masa itu.

Di zaman awal Islam kaedah permesyuaratan juga boleh dibuat secara terbuka dengan melibatkan seluruh rakyat. Ia biasanya diistilahkan sebagai *Majlis al-syūrā al-'ām*[130] (majlis mesyuarat yang melibatkan orang ramai).

Permesyuaratan yang berbentuk umum di antara pemimpin dan rakyat pada masa itu berlaku dalam dua cara. Cara pertama ialah dengan meninjau pandangan yang dikemukakan oleh ketua-ketua kaum atau wakil-wakil rakyat yang dilantik secara *tabi'i* oleh rakyat. Mereka inilah yang dinamakan sebagai "*ahl al-syūrā*" yang mewakili seluruh rakyat. Kedua ialah perbincangan yang lebih menyeluruh dan meluas yang melibatkan orang ramai. Contohnya seperti memilih seseorang ketua, memilih pemimpin negara, mengisytiharkan peperangan dan lain-lain. Ia memerlukan persetujuan orang ramai setelah diputuskan oleh pihak pemerintah. Oleh itu biasanya keputusan muktamad tentang sesuatu perkara berlaku setelah mendapat persetujuan orang ramai.[131] Tujuan diadakan perbincangan secara umum itu ialah bertujuan untuk meninjau pandangan *ummah* (rakyat) atau wakil-wakil rakyat tertentu yang dilantik dari kalangan mereka tentang perkara-perkara umum yang ada kaitannya dengan *ummah* tersebut. Ia bermaksud, rakyat mempunyai hak untuk memilih ketua yang mereka suka dan mereka menerima pandangan ketua tersebut dalam membuat berbagai-bagai keputusan. Keputusan yang dibuat oleh rakyat itu adalah mengikut kehendak mereka demi kemaslahatan diri mereka sendiri. Rakyat mempunyai kebebasan untuk menerima atau menolak sesuatu cadangan, demi kepentingan mereka.[132]

Contoh majlis mesyuarat yang melibatkan orang ramai ialah, RasūlulLāh s.'a.w dan para *al-khulafā' al-rāsyidūn* bermesyuarat dengan ketua-ketua kaum yang menjadi wakil kaum mereka. Mereka juga telah mengadakan mesyuarat dengan orang ramai untuk menyelesaikan persoalan yang berkaitan

dengan kehidupan mereka yang berbentuk umum.[133] Majlis mesyuarat seperti ini biasanya dibuat di tempat-tempat awam, terutama di masjid. Di sana pandangan-pandangan orang ramai boleh diambil bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Contoh tindakan majlis mesyuarat berbentuk umum yang berlaku di zaman sahabat ialah pelantikan Abu Bakr sebagai khalifah telah dibuat dengan persetujuan (*bay'ah*) *ahl al-ḥal wa al-'aqd* di Saqifah Bani Sa'idah dan kemudiannya dipersetujui sekali lagi oleh orang ramai di masjid.[134]

Namun demikian apabila masyarakat Islam sudah berkembang maju maka berlakulah perkembangan yang pesat dari segi politik, terutama apabila negara Islam menjadi semakin luas dan penduduknya semakin ramai. Dalam keadaan demikian tidak mungkin bagi sebuah kerajaan Islam untuk meninjau dan mendapatkan pandangan seluruh rakyatnya untuk membuat sebarang keputusan. Pada masa itu timbullah keperluan untuk mengadakan pilihanraya bagi memilih perwakilan politik yang diberi kepercayaan oleh rakyat serta sesuai untuk diberikan tanggungjawab mengendalikan pemerintahan negara.

Oleh itu struktur badan perundangan dalam sesebuah negara Islam harus ditubuhkan dalam bentuk dua dewan iaitu, satu dewan perwakilan yang terdiri dari anggota yang dilantik oleh pihak kerajaan (Ketua Negara) dan satu dewan perwakilan yang dianggotai oleh ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya umum. Perbahasannya secara ditil adalah seperti berikut:

### i. Golongan Yang dilantik oleh Pemerintah (ketua negara)

Cara lantikan (*al-ta'yīn*) juga telahpun diterima di peringkat awal Islam kerana rakyat percaya kepada pemimpin yang dilantik dan terdapat suasana saling mempercayai di antara rakyat dan pemimpin di zaman itu berlandaskan hukum syara'.Ahli-ahli perwakilan yang dilantik oleh baginda RasululLah s.'a.w. memiliki kelebihan tertentu seperti kelebihan dari segi ilmu, pengalaman, kelebihan dari segi lebih dahulu memeluk agama Islam, menjadi ketua qabilah dan lain-lain.

Anggota badan perundangan dalam kumpulan ini boleh disamakan dengan kumpulan yang diistilahkan sebagai *majlis al-Syura al-khas*[135] dan ahli-ahlinya lebih dikenali sebagai *ahl al-ḥal wa al-'aqd.* Ia adalah sebuah badan yang dianggotai oleh beberapa orang tertentu sahaja ada persamaan dengan Dewan Negara atau *Senate* di zaman sekarang.[136] RasūlulLāh s.'a.w. dan *al-khulafā' al-rāsyidūn* bermesyuarat tentang suatu masalah dalam bidang tertentu dengan golongan tertentu yang berpengalaman dalam bidang tertentu sahaja.[137] Oleh itu majlis mesyuarat ini mestilah dianggotai oleh ahli-ahli tertentu yang dilantik berlandaskan kepada kepakaran tertentu. Mereka merupakan sekumpulan ahli majlis mesyuarat yang dilantik oleh kerajaan dan berhak memberikan pelbagai pandangan dalam soal-soal yang berkaitan dengan kepakaran masing-masing. Majlis mesyuarat sebegini telah memainkan peranan sebagai sebahagian dari ahli badan perundangan dalam negara Islam di zaman RasūlulLāh, zaman sahabat, zaman *tābi'īn* dan zaman *tābi'īn al-tabi'īn* yang seterusnya.

Biasanya majlis perundangan dalam kumpulan ini pada zaman ini disebut sebagai Ahli Dewan Negara atau ahli *senate.* Mereka adalah terdiri dari kalangan pakar-pakar dalam pelbagai bidang mengikut keperluan zaman. Contohnya ialah seperti jurutera, hakim-hakim, ketua tentera, ketua polis, orang yang mewakili para pedagang, mewakili kesatuan sekerja, atau orang-orang yang memiliki kepakaran tertentu dalam bidang-bidang tertentu.[138] Mereka biasanya terdiri dari golongan cerdik pandai, pakar-pakar dalam pelbagai bidang.[139] Mereka juga adalah orang-orang yang berpengalaman dan lain-lain.[140] Merekalah yang diistilahkan oleh para sarjana Islam sebagai *ahl al-ḥall wa al-'aqd.*

Keanggotaan mereka dalam badan perundangan tidak dibuat dengan cara pemilihan terbuka dalam pilihanraya tetapi dilantik oleh pemerintah atau ketua negara. Tumpuan utama mereka ialah membuat keputusan yang mempunyai kaitan rapat dengan kepakaran mereka di samping membantu pemerintah membuat pelbagai polisi dalam bidang yang berkaitan. Perbahasan ditil tentang konsep ini telahpun dibuat oleh para pemikir politik Islam terdahulu apabila mereka membincangkan konsep *ahl al-ḥal wa al-'aqd* dalam pemikiran politik Islam.

Ada juga 'ulamā' yang menamakan ahl *al-ḥal wa al-'aqd* itu sebagai *umarā'* (pemerintah). Sebahagian yang lain pula mengatakan bahawa mereka ialah golongan yang bertaraf 'ulamā' dan *umarā'*. Fathī 'Abd al-Karīm menjelaskan, mereka bukan sahaja golongan 'ulamā' dan *umarā'*, bahkan lebih luas dari itu, asalkan dia adalah orang yang berkelayakan menjadi *ahl al-ikhtiyār*

maka mereka adalah dianggap *ahl al-ḥal wa al-'aqd*. Merekalah orang yang akan menentukan siapakah pemimpin yang layak memegang kekuasaan dalam sesebuah negara.[141] Oleh itu *ahl al-ḥal wa al-'aqd* bukan sahaja terhad kepada golongan 'ulamā' yang bertaraf *mujtahidīn*, tetapi termasuk juga mereka yang mempunyai kelayakan lain yang sesuai dan layak untuk dilantik.[142] Dr. Fathī 'Abd al-Karīm juga menegaskan badan perundangan Islam hendaklah dipelopori oleh *ahl al-ḥal wa al-'aqd*. Beliau menulis di dalam bukunya:

> *"Kami berpendapat, kuasa perundangan keseluruhannya adalah dipegang oleh ahl al-ḥal wa al-'aqd, di kalangan ummah".*[143]

Namun demikian pengertian *ahl al-ḥal wa al-'aqd* yang dikemukakan oleh 'ulamā' *Uṣūl Fiqh* ada sedikit perbezaan dengan pengertian yang dihuraikan oleh 'ulamā' *al-Siyāsah Syar'iyyah*. Dalam ilmu Uṣūl Fiqh huraian dan perbincangan tentang *ahl al-ḥal wa al-'aqd* tidak dimasukkan dalam bab *al-Imāmah*. Mereka mentafsirkan *ahl al-ḥal wa al-'aqd* itu sebagai seorang *ahl al-fiqh* yang bergelar *'ulamā' mujtahid* yang dan cukup kelayakannya untuk melakukan *ijtihād*. Jadi ilmu mereka hendaklah mencapai tahap sebagai seorang 'ulamā' *mujtahid*.[144] Sedangkan mengikut pandangan 'ulamā' *al-Siyāsah al-Syar'iyyah ahl al-ḥal wa al-'aqd* tidak perlu kesemuanya mencapai tahap sebagai seorang *mujtahid* seperti itu. Mereka berpendapat, syarat ilmu yang ada pada seseorang *ahl al-ḥal wa al-'aqd* itu hanya memadai sekadar beliau mahir dalam bidang masing-masing, kemasyarakatan serta mampu membuat pilihan yang terbaik semasa melantik ketua negara.[145]

Berdasarkan analisis yang dibuat istilah *ahl al-ḥal wa al-'aqd* yang digunakan oleh para 'ulama' terdahulu banyak merujuk kepada anggota badan perundangan yang dilantik oleh ketua negara atau pihak pemerintah kerajaan Islam bagi membantu mereka dalam urusan pemerintahan. Kedudukan dan corak pelantikan mereka dalam kerajaan Islam banyak persamaannya dengan pelantikan anggota *"Senate"* atau anggota "Dewan Negara" sebagaimana yang diamalkan di Malaysia sekarang. Islam membenarkan cara pelantikan sedemikian selagimana ianya tidak bercanggah dengan tuntutan syari'at Islam yang sebenar. Sebahagian besar dari para sarjana politik Islam mengharuskan kaedah pelantikan (*al-ta'yin*) anggota badan perundangan yang dibuat oleh pihak pemerintah atau ketua negara. Mereka mempunyai alasan tersendiri terhadap pandangan tersebut. Antara alasannya ialah:

a. Tidak terdapat nas yang jelas yang menyatakan samada ahli majlis mesyuarat itu dilantik oleh pihak pemerintah atau dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya. Ia merupakan persoalan siasah syar'iyyah yang boleh ditentukan oleh para ulama' semasa. Oleh itu cara perlantikan (*al-ta'yin*) adalah diharuskan kerana ianya banyak memberi faedah kepada rakyat.

b. Mereka berpendapat para khulafa' al-Rasyidin tidak melaksanakan sistem pilihanraya umum untuk memilih perwakilan yang mengambil peranan sebagai ahli majlis mesyuarat di zaman mereka. Oleh itu cara lantikan yang dibuat oleh pihak pemerintah atau ketua negara adalah diharuskan.

c. Oleh kerana para pemimpin serta ketua negara Islam itu telah pun dipilih dan mendapat kepercayaan dari orang ramai maka pemimpin tersebut mempunyai kuasa dan hak secara sah untuk melantik anggota badan perundangan.[146]

### ii. Perwakilan Yang Dipilih Oleh Rakyat Melalui Pilihanraya

Mengikut penjelasan yang terdapat dalam kebanyakan buku-buku fiqh dan buku-buku Siasah Syar'iyyah perwakilan yang dipilih oleh rakyat ini diistilahkan sebagai *ahl al-syura*. *Ahl al-syūrā* ialah orang diberi kepercayaan oleh orang ramai, di mana orang ramai merasa tenang dengan memilih mereka sebagai wakil rakyat. Orang ramai menyukai mereka kerana keikhlasan mereka, nasihat yang mereka berikan, sifat amanah dan kebolehan yang ada pada mereka. Merekalah orang-orang yang berkuasa bagi menentukan polisi yang diamalkan dalam sesebuah kerajaan. Rakyat akan membantu kerajaan untuk melaksanakan polisi tersebut.[147] 'Abd al-Qādir 'Awdah berpendapat, para pemimpin yang bertanggungjawab hendaklah mengambil tahu kehendak rakyat melalui ketua keluarga dan ketua kaum. Kehendak rakyat boleh juga diketahui melalui wakil rakyat yang dilantik atau meninjau pandangan orang-orang tertentu yang melengkapi beberapa sifat yang ditentukan.[148]

Para sarjana perundangan Islam sekarang menganggap *ahl al-syūrā* ialah satu kumpulan yang dipilih oleh rakyat sesebuah negara dengan memberikan kuasa politik kepada mereka. Kuasa yang diberikan itu ialah kuasa untuk memilih pemimpin negara, menggubal undang-undang, memberi perlindungan kepada rakyat dan lain-lain.[149] Sebagai contoh, cara dan amalan biasa yang digunakan dalam pemilihan pemimpin di Malaysia hari ini ialah cara

pilihanraya. Pemimpin yang terpilih dalam pilihanraya dianggap sebagai pemimpin yang disukai ramai dan dipersetujui oleh orang ramai. Oleh kerana pemilihan dan penentuan beliau sebagai pemimpin dipersetujui ramai maka kedudukannya tidak boleh dipertikaikan lagi. Segala undang-undang yang digubal oleh mereka wajib ditaati. Sebab itu pemilihan sebahagian dari ahli badan perundangan di Parlimen Malaysia dibuat oleh rakyat melalui pilihanraya umum. Kaedah tersebut tidak bercanggah dengan konsep Islam asalkan sistem pilihanraya tersebut dibuat dengan cara yang sesuai dan tidak bercanggah dengan hukum syara'.

Ramai para sarjana Islam menyokong sistem pilihanraya umum diamalkan di negara-negara Islam. Mereka mengakui bahawa di zaman awal Islam khususnya di zaman *al-khulafa' al-Rasyidin* secara jelasnya tidak berlaku pilihanraya umum. Pada masa itu rakyat boleh menerima dengan mudah sesiapa sahaja yang dilantik oleh pemerintah (ketua negara) sebagai ahli badan perundangan. Para 'ulamā' berpendapat di zaman awal Islam penghayatan Islam cukup baik di mana hubungan baik dan sikap saling mempercayai masih menebal di antara rakyat dan pemerintah. Hubungan baik inilah yang memberi peluang kepada pemimpin bagi memilih perwakilan sebagai ahli badan perundangan, dan keputusan yang dibuat oleh pemimpin itu diterima baik oleh rakyat.

Adapun di zaman kita sekarang ini perlantikan anggota badan perundangan tertakluk kepada perlembagaan dan undang-undang bertulis bukannnya berasaskan pertimbangan hati manusia.[150] Tambahan pula para pemimpin yang ada hari ini terdapat banyak kelemahan dan kekurangan pada diri

mereka. Sekiranya mereka diberi kuasa untuk melantik ahli badan perundangan sepenuhnya sudah tentu akan berlaku ketidakadilan, pilih kasih dan melantik orang-orang tertentu sahaja.

Oleh kerana masyarakat manusia pada hari ini semakin ramai, persetujuan dan kerelaan dari rakyat agak sukar untuk dikesan. Tidak memadai dengan membuat sangkaan bahawa mereka bersetuju atau tidak bersetuju apabila dilantik seseorang pemimpin. Rakyat bersetuju atau tidak bersetuju boleh diukur secara langsung melalui suatu pilihanraya umum atau pemilihan yang dibuat secara terbuka. Pemimpin atau golongan yang memegang kuasa pada hari ini juga adalah dari kalangan orang-orang yang agak lemah dan banyak kekurangan dari segi syarat-syaratnya jika dibandingkan dengan para pemimpin di zaman awal Islam. Oleh itu jika kuasa melantik anggota majlis mesyuarat diserahkan sepenuhnya kepada pemimpin atau ketua negara sahaja akan berlakulah kediktatoran dalam perlantikan tersebut. Kemungkinan ramai anggota yang dilantik oleh pemerintah itu kurang layak dan tidak direstui atau tidak dipersetujui oleh rakyat. Jika ini berlaku maka matlamat asal perlaksanaan sistem permesyuaratan yang dianjurkan oleh Islam tidak akan tercapai.

Umat Islam sejagat seharusnya menyedari bahawa, persoalan bagaimana ingin menubuhkan badan perundangan dalam sesebuah negara Islam adalah terserahlah kepada *ijtihad* para pemimpin dalam sesebuah negara. Islam menganggap amalan bermesyuarat sebagai suatu sistem fitrah. Al-Qur'ān dan al-Sunnah tidak meletakkan suatu bentuk yang tetap bagi tujuan tersebut. Ketiadaan ketentuan bentuk majlis mesyuarat ini bolehlah dianggap sebagai rahmat bagi umat Islam dan ia memberikan kemudahan seluas-luasnya[151] kepada mereka untuk ber*ijtihād* menubuhkan badan perundangan.

Dalam pengamalan badan perundangan semasa hari ini sistem dua dewan (*bicameral system*) telah menjadi amalan di kebanyakan negara dan ianya banyak mendatangkan kebaikan kepada badan perundangan. Ini berdasarkan kepada beberapa sebab dan keperluan di antaranya ialah:

i. Ahli badan perundangan yang dilantik oleh pemerintah (ahli Dewan Negara atau *ahl al-ḥal wa al-'aqd*) khususnya yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu boleh memberikan nasihat kepada badan perundangan dan kerajaan semasa membuat sebarang keputusan. Contohnya badan perundangan perlu menerima pandangan jurutera untuk meluluskan kos perbelanjaan projek pertanian dan pengairan. Bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan undang-undang dan mahkamah bolehlah merujuk kepada para peguam, hakim dan kadi. Permasalahan ekonomi boleh dirujuk kepada para ahli ekonomi dan pemodal. Masalah yang berkaitan dengan peperangan boleh dibincangkan bersama dengan para pemimpin tentera.

Perkara yang berkaitan dengan hukum dan syarī'ah boleh dirujuk kepada para fuqaha' dan 'ulama' mujtahid. Begitulah bentuk permesyuaratan yang seharusnya dilaksanakan untuk membuat pelbagai keputusan.[152]

ii. Ahli majlis mesyuarat khas yang dilantik oleh pihak pemerintah pula (Senator atau *ahl al-ḥal wa al-'aqd*) biasanya tidak mempunyai banyak masa dan peluang untuk melibatkan diri dalam arena politik bersama-bersama masyarakat. Mereka jarang bergaul dan mendekati masyarakat bagi menghayati kehidupan mereka dan membantu menyelesaikan masalah mereka.[153] Sebaliknya ahli badan perundangan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya biasanya lebih banyak melibatkan diri dengan politik dan aktiviti kemasyarakatan. Oleh itu mereka lebih tahu permasalahan sebenar yang berlaku dalam masyarakat dan dapat mengemukakan cadangan yang lebih realistik bagi menyelesaikan masalah rakyat. Oleh itu pandangan mereka sangat-sangat diperlukan semasa proses membuat keputusan dalam badan perundangan.[154]

### 1.5 Saiz Badan Perundangan

Perbahasan tentang saiz badan perundangan yang akan diperbincangkan di sini ialah berapa ramaikah bilangan anggota badan perundangan yang sepatutnya ada dalam sesebuah badan perundangan kerajaan Islam. Persoalan ini sememangnya tidak dijelaskan secara terperinci oleh nas al-Qur'ān dan al-Sunnah. Barangkali ini juga merupakan suatu hikmah untuk memberi peluang kepada umat Islam semasa supaya menentukan sendiri saiznya berasaskan keperluan mereka mengikut kesesuaian masa dan tempat.

Bilangan keanggotaan dalam badan perundangan sangat berkait rapat dengan faktor-faktor lain yang terdapat dalam sesebuah negara. Faktor-faktor lain yang di maksudkan ialah keluasan wilayah dalam negara tersebut, jumlah bilangan penduduk, bilangan kaum yang ada, sistem pentadbiran yang dijalankan dan lain-lain. Melalui beberapa penelitian yang telah dibuat didapati saiz badan perudangan adalah berbeza-beza di antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain. Contohnya bagi sebuah negara yang agak kecil seperti Negara Kuwait hanya mempunyai satu dewan sahaja (*unicameral system*) yang dinamakan *Majlis el Umma*. Pada suatu ketika dahulu (tahun 1976) keseluruhan anggotanya cuma seramai 62 orang sahaja. Sedangkan pada masa yang sama negara besar seperti Soviet Union mempunyai sebuah badan perundangan yang lebih besar yang dinamakan *Verchovnyj Sovet SSSR*. Ia terdiri dari dua dewan iaitu *Sovet Natsionalnostey* seramai 750 dan *Sovet Sojuza* seramai 767 orang,[155] yang menjadikan jumlah anggota badan perundangannya pada masa itu seramai 1517 orang kesemuanya.

Sememangnya tidak ada suatu formula atau kaedah tertentu yang tetap bagi menentukan saiz badan perundangan bagi setiap negara. Ukuran dan saiz yang dianggap paling sesuai bagi sesebuah badan perundangan ialah apabila badan tersebut berada pada tahap yang paling efisyen dan menghasilkan faedah yang paling maksima kepada negara. Sebuah badan perundangan yang terlalu besar dan mempunyai bilangan ahli yang terlalu ramai boleh menyebabkan ianya kurang efektif kerana tidak semua ahlinya berpeluang untuk melibatkan diri dalam perbahasan. Selain itu saiz badan perundangan yang terlalu besar akan membuka ruang kepada golongan tertentu yang berkepentingan mengambil kesempatan menggunakan badan tersebut untuk kepentingan golongan mereka. Sesuatu keputusan mungkin akan dibuat atas dasar manipulasi ke atas badan perundangan oleh pihak-pihak yang berpengaruh,[156] bukan lagi untuk kepentingan seluruh rakyat dan pihak kerajaan.

Banyak pengalaman telah membuktikan bahawa perbincangan yang berkesan dapat diadakan apabila badan perundangan itu agak kecil. Ahli-ahlinya dapat bersemuka dan boleh mengemukakan pandangan mereka masing-masing bagi menyelesaikan sesuatu masalah dengan mudah. Dengan ini suatu keputusan yang cukup matang dapat dibuat demi kepentingan kerajaan dan rakyat. Sebaliknya sesebuah badan perundangan itu janganlah terlalu kecil kerana saiz yang sangat kecil itu menyebabkan ahli-ahlinya tidak mampu menjalankan hubungan secara berkesan dengan rakyat dan tidak mampu menjadi wakil kepada jumlah rakyat yang ramai. Perbincangan yang meluas terhadap sesuatu masalah dan keputusan yang matang juga kemungkinan besar tidak dapat di buat.[157]

Secara umumnya RasululLah s.'a.w. pernah menunjukkan contoh yang praktikal bagaimana ingin melantik perwakilan yang akan menganggotai badan perundangan. Contoh yang paling jelas ialah bagaimana RasululLah melantik perwakilan dalam Perjanjian 'Aqabah (*Bay'ah al-'Aqabah*). Orang-orang yang terlibat di dalam bay'ah tersebut ialah orang-orang Ansar yang terdiri dari dua qabilah iaitu Aws dan Khazraj. Bilangan mereka yang ber*bay'ah* ialah seramai 75 orang iaitu terdiri dari 73 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Mereka telah memberikan bay'ah kepada RasululLah di 'Aqabah. Selepas berbay'ah RasululLah meminta agar mereka melantik seramai 12 orang ketua (*nuqaba'*) yang akan menjadi orang perantaraan (wakil) di antara mereka dengan RasululLah s.'a.w. Baginda RasululLah bersabda:

> "*Keluarkanlah kepada saya (lantiklah) dua belas orang pemimpin (nuqaba') yang akan menjadi perwakilan kepada kaum mereka*"[158]

Galakan yang diberikan oleh RasululLah s.'a.w supaya melantik perwakilan ini membuktikan bahawa pelantikan perwakilan politik atau melantik anggota badan perundangan sememangnya dibenarkan oleh Islam. Nisbah bilangan perwakilan yang dilantik adalah bersesuaian dengan jumlah bilangan individu dalam qabilah pada masa itu. Misalnya dari qabilah al-Aws dilantik seramai 9 orang wakil kerana bilangan rakyat dari kalangan al-Aws lebih ramai. Bilangan perwakilan dari Khazraj hanya 3 orang sahaja kerana jumlah rakyat mereka agak sedikit. Ini merupakan suatu contoh atau kaedah dalam melantik perwakilan politik khususnya sebagai anggota badan perundangan.

Kesimpulannya, penentuan saiz badan perundangan dalam sesebuah kerajaan Islam terserahlah kepada ketetapan yang dipersetujui bersama oleh pihak pemerintah. Ia merupakan permasalahan siyasah syar'iyyah yang boleh ditentukan sendiri oleh umat Islam semasa. Ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan Islam wajib dipatuhi oleh seluruh rakyat selagimana ianya tidak bercanggah dengan naṣ dan kaedah-kaedah al-siyasah al-syar'iyyah.

## NOTA HUJUNG

[1] Al-Qur'ān, al-Nisā' (4): 59

[2] Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣarī al-Qurṭubī, ***al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qur'ān***, Kaherah: Dār al-Kātib al-'Arabī Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nasyr, j. V, 1967, hh. 255-256.

[3] Ibid, h. 258.

[4] Abū al-Faḍl Syihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī al-Baghdādī, ***Rūḥ al-Ma'ānī Fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓim Wa al-Sab' al-Mathānī***, Beirut: Dār al-Fikr, j. II, 1978, hh. 63-64.

[5] Lihat Ibn al-Jawzī, ***Zād al-Masīr, Fī 'Ilm al-Tafsīr***, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, cet. ketiga, 1984, j. II, h. 114.

[6] Ibid.

[7] Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwī, Dr., ***Al-Tafsīr al-Wasīṭ Lī al-Qur'ān al-Karīm***, Kaherah, j. III, cet. kedua, 1985, h. 248.

[8] Lihat Abū Bakr Aḥmad Ibn 'Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ, ***Aḥkām al-Qur'ān***, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, j. II, t.t., h. 210.

[9] Al-Qur'ān, Āl 'Imrān (3): 104

[10] Muḥammad Jamāl al-Dīn **al-Qāsimī**, ***Tafsīr al-Qāsimī al-Musammā Maḥāsin al-Ta'wīl***, Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, j. IV, cet. pertama, 1958, h. 920.

[11] Aḥmad Muṣṭafā Al-Marāghī, ***Tafsīr al-Marāghī***, Beirut: Dār al-Fikr, j. IV, cet. ketiga, 1974, h. 21.

[12] Ibid, h. 22.

[13] Ibid.

[14] Muḥammad Sayyid Ṭanṭāwī, op. cit., j. II, h. 262.

[15] Ibid., h. 263.

[16] Abū Ja'far Muḥammad Ibn Jarīr al-Ṭabarī, ***Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āy al-Qur'ān***, Beirut: Dār al-Fikr, j. IV, 1995, h. 53.

[17] Muḥammad Yūsuf, Abī Ḥayyān al-Andalūsī, ***Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ***, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, j. III, cet. pertama, 1993, h. 23.

[18] Lihat Al-Syaykh Muḥammad al-Sibzuwarī, ***al-Jadīd Fī al-Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd***, Beirut: Dār al-Ta'āruf, j. II, cet. pertama, 1982, h. 117; Lihat juga Sa'id Ḥawā, ***Al-Asās Fī al-Tafsīr***, Kaherah: Dār al-Salām, j. II, cet. pertama, 1985, h. 849.

[19] Lukman Thaib, Dr., ***The Islamic Polity and Leadership***, Petaling Jaya: Delta Publishing Sdn. Bhd., 1995, h. 55.

[20] Abū 'Īsā Muḥammad Ibn 'Īsā Ibn Sawrah, Al-Tirmidhī, ***al-Jāmi' al- Ṣaḥīḥ, Sunan al-Tirmidhī***, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlāduh, j. IV, t.t., h. 468.

[21] Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka), Prof., Dr., ***Tafsir Al-Azhar***, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., j. IX, cet. pertama, 1990, h. 2622.

[22] Lukman Thaib, ***The Islamic Polity and Leadership***, op. cit., h. 55.

[23] Al-Qur'ān, al-Baqarah (2): 143.

[24] Al-Qāsimī, op. cit., j. 1, h. 281.

[25] Al-Syaykh Muḥammad al-Amīn Ibn Muḥammad al-Mukhtār al-Ḥaknī al-Syankītī, ***Aḍwā' al-Bayān Fī Īḍāḥ al-Qur'ān Bi al-Qur'ān***, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah, j. I, 1996, h. 71.

[26] Abū al-Ḥasan 'Alī Ibn Muḥammad, al-Māwardī, ***al-Nukat Wa al-'Uyūn Tafsīr al-Māwardī***, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. I, t.t., h. 199.

[27] Al-Ṭabarī, op. cit., j. II, hh. 10-11.

[28] Ibid.

[29] Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn Ibn al-'Allāmah Ḍiyā' al-Dīn, ***al-Tafsīr al-Kabīr Tafsīr Fakhr al-Dīn al-Rāzī***, Beirut: Dār al-Fikr, j. III, 1978, h. 97.

[30] Ibid., h. 98.

[31] Al-Qurṭubī, op. cit., j. II, hlm. 153.

[32] Ibid, h. 154.

[33] Ibid.

[34] Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā'īl al-Bukhārī, ***al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ***, Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, cet. pertama, j. IV, 1400H., h.. 372.

[35] Aḥmad Ibn 'Alī Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, ***Fatḥ al-Bārī Bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī***, Beirut: Dār al-Ma'rifah, j. XIII, t.t, h. 316.

[36] Muḥammad Ibn Yūsuf Ibn 'Alī Ibn Sa'īd , Syams al-Dīn al-Karmānī, ***Saḥīḥ al-Bukhārī Bi Syarḥ al-Karmānī***, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, j. XXV, t.t., h. 75.

[37] Al-Qur'ān, al-Mā'idah (5): 35

[38] Abū Sa'īd 'Abd Allāh Ibn 'Umar Ibn Muḥammad al-Syīrāzī al-Bayḍāwī, ***Tafsīr al-Bayḍāwī al-Musammā Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl***, Beirut: Dār al-Kutub al-'lmiyyah, j. I, 1988, h. 265.

[39] Al-Ṭabarī, op. cit., j. IV, h. 308.

[40] Ibid, h. 309.

[41] Abū al-Fidā' Ismā'īl Ibn Kathīr al-Qurasyī al-Dimasyqī, ***Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm***, Mesir: 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Syarikātuh, j. II, t.t., h. 50.

[42] Ibid.

[43] 'Abd al-Raḥmān Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, ***al-Dur al-Manthūr Fī Tafsīr al-Ma'thūr***, Beirut: Dār al-Fikr, j. III, cet. pertama, 1983, h. 71.

[44] Ibid.

[45] Al-Qur'ān, al-Nisā' (4): 80.

[46] Al-Qāsimī, op. cit., j. VI, h. 186.

[47] 'Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Maḥmūd al-Nasafī, ***Tafsīr al-Nasafī, al-Musammā Bi Madārik al-Tanzīl Wa Haqā'iq al-Ta'wīl***, Beirut: Dār al-Qalam, j. I, 1989, h. 395.

[48] Abū al-Qāsim Jār Allāh Maḥmūd Ibn 'Umar al-Zamakhsyarī, ***al-Kasyf 'An Ḥaqā'iq al-Tanzīl Wa 'Uyūn al-Aqāwīl Fī Wujūh al-Ta'wīl***, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlāduh, j. I, 1972, h. 610.

[49] 'Abd al-Raḥmān Ibn Nāṣir al-Sa'dī, ***Taysīr al-Karīm al-Raḥmān Fī Tafsīr Kalām al-Mannān***, Beirut: Dār al-Fikr, j. I, 1995, h. 470.

[50] Ṭanṭāwī, op. cit., j. 6, h. 182.

[51] Ibid.

[52] Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī, ***Ṣafwah al-Tafāsīr***, Beirut: Dār al-Rasyād, j. I, 1988, h. 340.

[53] Ibid.

[54] Syed Quṭb, ***Fī Ẓilāl al-Qur'ān***, Beirut: Dār al-Syurūq, j. III, cet. kedua belas, 1986, h. 881.

[55] Ibid.

[56] Al-Qur'ān, al-Aḥzāb (33): 36

[57] Al-Ṣābūnī, op. cit., j.II, h. 527.

[58] Ibid.

[59] Sa'īd Ḥawā, ***al-Asās Fī al-Tafsīr***, op. cit., j. VIII, h. 4442.

[60] Al-Marāghī, op. cit., j. VIII, h. 12.

[61] Al-Bukhārī, op. cit., j. IV, h. 328; Lihat juga Muslim Ibn al-Ḥajjāj Ibn Muslim al-Qusyayrī al-Nīsābūrī, Abū al-Ḥusayn, ***al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ***, Beirut: al-Maktab al-Tijārī, j. VI, t.t., h. 13; Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, op. cit., j. XIII, h. 111; Muḥammad Ibn Yūsuf Ibn 'Alī Ibn Sa'īd , Syams al-Dīn al-Karmānī, ***Saḥīḥ al-Bukhārī Bi Syarḥ al-Karmānī***, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, J. XXIV, t.t., h. 192.

[62] Muṣṭafā Kāmal Waṣfā, Dr., ***Muṣannafah al-Nuẓum al-Islāmiyyah***, Kaherah: Maktabah Wahbah, cet. pertama, 1977, h.. 175.

---

[63] John C. Wahlke dan Heinz Eulau, ***Legislative Behavior***, U.S.A: The Free Press, 1959, h. 5.

[64] Anzagain Sdn. Bhd., ***Ensiklopedia Malaysiana***, Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd., j.7, 1995, h. 422.

[65] Yang Kassim, ***English Malay Dictionary (Bilingual)***, Kuala Lumpur: Minerva, t.t., h. 534. Lihat juga, W.T. Mc Leod, ***Collins Gem English - Malay Dictionary***, London: William Collins Sons & Co. Ltd., 1982, h. 453.

[66] Anzagain Sdn. Bhd., ***Ensiklopedia Malaysiana***, Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd., j.7, 1995, h. 422.

[67] Buku-buku politik yang dimaksudkan ialah buku-buku yang membincangkan konsep politik barat dan konsep politik Islam.

[68] Mengikut kajian ilmu politik, dalam pemerintahan sesebuah negara terdapat tiga institusi besar iaitu badan perundangan (*legislative*), badan pemerintahan (*executive*) dan badan kehakiman (*judiciary*). Badan perundangan dinamakan juga badan pembuat undang-undang . Tugasnya ialah menggubal polisi dan undang-undang yang akan dilaksanakan di dalam sesebuah negara. Badan pemerintahan disebut juga sebagai badan melaksanakan undang-undang. Peranannya ialah melaksanakan segala peraturan dan undang-undang yang diputuskan oleh badan perundangan. Badan kehakiman pula kadang-kadang dinamakan sebaga badan pentafsir undang-undang. Di antara tugasnya ialah memutuskan hukuman terhadap sesuatu perkara berdasarkan undang-undang yang ditetapkan. Ia juga berkewajipan menentukan samada sesuatu undang-undang itu telah dilaksanakan atau belum dilaksanakan.

[69] C.S.T. Kansil, S.H., ***Sistem Pemerintahan Indonesia***, Jakarta: Aksara Bara, cet. ke 5, 1985, h. 10.

[70] Miriam Budiardjo, Prof., ***Dasar-dasar Ilmu Politik***, Jakarta: P.T. Gramedia, 1985, h. 152.

[71] Deliar Noer, ***Pemikiran Politik Di Negeri Barat***, Jakarta: C.V. Rajawali, 1982, h. 92.

[72] Mengikut John Lock, sesebuah negara terbentuk kerana adanya sekelompok manusia yang mengadakan suatu perjanjian untuk mengadakan suatu organisasi yang dapat menyelenggarakan kehidupan bersama. Teori beliau ini dikenali sebagai "Teori Perjanjian Masyarakat".

73 Deliar Noer, op. cit., h. 92.

74 Nama beliau ialah Chales Louis de Secondat Baron de Montesquieu. Dilahirkan di Bordeaux, Prancis pada tahun 1689. Beliau adalah anak kepada golongan bangsawan dan golongan yang berada.

75 K. Ramanathan, ***Konsep Asas Politik***, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. pertama, 1988, hh. 237, 238.

76 'Adī Zayd al-Kaylānī, ***Ta'ṣīl Wa Tanẓīm al-Sulṭah Fī al-Tasyrī'ah al-Waḍ'iyyah Wa al-Syarī'ah al-Islāmiyyah, Dirāsah Muqāranah***, Oman: Dār al-Basyīr, cet. pertama, 1987, h. 107.

77 Idea ini diambil oleh negara demokrasi yang mengamalkan sistem raja berpelembagaan, di mana mereka melantik "*Dewan Negara*" dan "*Dewan Rakyat*" sebagai perwakilan yang menggubal undang-undang. Lihat, Deliar Noer, op. cit., h. 101.

78 Encyclopaedia Britannica, Inc., ***The New Encyclopaedia Britannica***, Chicago: Encyclopaedia Britannica, Inc., j. ke 7, cet. ke 15, 1985, h. 246.

79 Inter-Parliamentary Union, ***Parliaments Of The World***, London: The Macmillan Press Ltd., cet. pertama, 1976, h. 12.

80 Dalam bahasa 'Arab ia dinamakan "*al-Sulṭah al-Tasyrī'iyyah*" manakala dalam bahasa Inggeris ia diistilahkan sebagai "*legislative*".

81 Konsep pemisahan kuasa tidak dibincangkan secara pamjang lebar di sini kerana perbincangan yang ingin ditumpukan ialah tentang badan perundangan Islam.

82 Z.A. Ahmad, ***Membentuk Negara Islam***, Djakarta: Widjaya, 1956, h. 264.

83 Konsep barat dilahirkan oleh akal manusia, tetapi konsep Islam adalah dipetik dari nas atau ijtihad yang dilakukan oleh para 'ulama' berdasarkan hukum Islam.

84 Maksud undang-undang di sini termasuklah hukum hakam yang ada hubungannya dengan orang-orang *mukallaf* serta segala perbuatan yang mereka lakukan.

85 'Abd al-Wahhāb Khallāf, Dr., ***Al-Siyāsah al-Syar'iyyah Aw Niẓām al-Dawlah al-Islāmiyyah Fī al-Syu'ūn al-Dustūriyyah Wa al-Khārijiyyah Wa al-Māliyyah***, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1984, h. 42.

[86] Muḥammad Salām Madkūr, Dr., ***Ma'ālim al-Dawlah al-Islāmiyyah***, Kuwait: Maktabah al-Falāḥ, cet. pertama, 1983, h. 307.

[87] 'Abd al-Ghānī Basyūnī 'Abd Allāh, Dr., ***Naẓariyyah al-Dawlah Fī al-Islām***, Beirut: al-Dār al-Jāmi'ah, 1986, h. 199.

[88] Sulaymān Muḥammad al-Ṭamāwī, ***al-Sulṭah al-Thalāthah Fī al-Dasātīr al-'Arabiyyah al-Mu'āṣirah Wa Fī al-Fikr al-Siyāsī al-Islāmī, Dirāsah Muqāranah***, Kaherah: Maṭba'at al-Jāmi'ah 'Ayn Syams, cet. kelima, 1986, h. 243.

[89] Muṣṭafā Abū Zayd Fahmī, Dr., ***al-Naẓariyyah al-'Āmmah Li al-Dawlah, Fī al-Dimuqrāṭiyyah al-Gharbiyyah, Wa al-Dimuqrātiyyah al-Markisiyyah, Wa al-Islām***, Kaherah: Mansya'at al-Ma'ārif, cet. pertama, 1985, hh. 210-211.

[90] T.M Hasbi Shiddieqy, Prof. Dr., ***Pengantar Hukum Islam***, j. II, Jakarta: Bulan Bintang, cet. kelima, 1975, h. 284.

[91] A. Monir Yaacob, ***Sejarah Perundangan Islam***, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. pertama, 1988, h. 99.

[92] Surah al-Nur (24): 2.

[93] 'Abd al-Wahhāb Khallāf, Dr., ***Al-Siyāsah al-Syar'iyyah Aw Niẓām al-Dawlah al-Islāmiyyah Fī al-Syu'ūn al-Dustūriyyah Wa al-Khārijiyyah Wa al-Māliyyah***, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1984, h. 42.

[94] Al-Qur'ān, Sūrah al-Nisā' ( 4):59

[95] Al-Qur'ān, Sūrah al-Nisā' (4):83

[96] Al-Jaṣṣāṣ, op. cit., hh. 210-211.

[97] Abū Bakr Muḥammad Ibn 'Abd Allāh, Ibn al-'Arabī, ***Aḥkām al-Qur'ān***, Dār al-Fikr, j. I, t.t., hh. 451-452.

[98] Salām Madkūr, Dr., ***Ma'ālim al-Dawlah al-Islāmiyyah***, op. cit., h. 119.

[99] Ibn al-'Arabī, op. cit., j. I, h. 451, 452.

[100] Al-Jaṣṣāṣ, op. cit., j. II, hh. 210-211.

[101] Lihat Ibn al-'Arabī, op. cit., j. I, h. 451.

[102] Ibid.

[103] Zakariyyā 'Abd al-Mun'im Ibrāhīm al-Khāṭib, Dr., ***Niẓām al-Syūrā Fī al-Islām Wa Nuẓum al-Dīmuqrāṭiyyah al-Mu'āṣirah***, t. tp., t. pt., 1985, h. 243.

[104] Ibid.

[105] Ẓāfir al-Qāsimī, ***Niẓām al-Ḥukm Fī al-Syarī'ah Wa al-Tārīkh***, Beirut: Dār al-Nafā'is, 1974, h. 230.

[106] Maḥmūd Ḥilmī, Dr., ***Niẓām al-Ḥukm al-Islāmī, Muqāranan Bi al-Nuẓum al-Mu'āṣirah***, Kaherah: Dār al-Fikr al-Arabī, cet. kedua, 1973, h. 68.

[107] 'Abd al-Ḥamīd Mutawallī, Dr., ***Mabādi' Niẓām al-Ḥukm Fī al-Islām***, Iskandariyyah: Mansya'ah al-Ma'ārif, cet. ketiga, 1975, hh. 47-48.

[108] Zakariyyā 'Abd al-Mun'im Ibrāhīm al-Khāṭib, op. cit., h. 51.

[109] Ibid, h. 51.

[110] Abū al-Qāsim Jār Allāh Maḥmūd Ibn 'Umar al-Zamakhsyarī al-Khawārizmī, ***Tafsīr al-Kassyāf***, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlāduh, j. I, 1972, hh. 535-536.

[111] Ibid, h. 574.

[112] Ibn Kathīr, op. cit., j. I, h. 518.

[113] Al-Syaykh Abū 'Alī al-Faḍl Ibn al-Ḥasan al-Ṭabarsī, ***Majma' al-Bayān Fī Tafsīr al-Qur'ān***, Beirut: Dār Maktabah al-Hayāh, j. V, 1961, h. 138.

[114] Ibid, h. 174.

[115] Al-Rāzī, ***al-Tafsīr al-Kabīr Tafsīr Fakhr al-Dīn al-Rāzī***, op. cit., h. 243.

[116] Muḥammad Rasyīd Riḍā, ***Tafsīr al-Manār***, Lubnan: Dār al-Ma'rifah, 1993, h. 147; Lihat juga Z.A. Ahmad, ***Membentuk Negara Islam***, Djakarta : Widjaya, 1956, h. 254.

[117] Muḥammad Rasyīd Riḍā, ***Tafsīr al-Manār***, op. cit., hh. 148-149.

[118] Muḥammad Salām Madkūr, ***Ma'ālim al-Dawlah al-Islāmiyyah***, op. cit., h.119.

[119] A. Hasjmy, op. cit., h. 245.

[120] Al-Imām al-Akbar Maḥmūd Syaltūt, ***al-Islām 'Aqīdah Wa Syarī'ah***, Beirut: Dār al-Syurūq, cet. kedua belas, 1983, hh. 462-464.

[121] Ibid.

[122] Muḥammad 'Alī Jarīsyah, Dr., ***al-Masyrū'iyyah al-Islāmiyyah al-'Ulyā***, op. cit., hh. 41-42.

[123] Ibid.

[124] Muḥammad 'Alī Jarīsyah, Dr., ***Uṣūl al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah, Maḍmūnihā Wa Khaṣā'iṣuhā***, Kaherah: Maktabah Wahbah, cet. pertama, 1979, hh. 27-28.

[125] Qaḥṭān 'Abd al-Raḥmān al-Dūri, ***al-Syūrā Bayna al-Naẓariyyah Wa al-Taṭbīq***, Baghdad: Maṭba'ah al-Ummah, cet. pertama, 1974, h. 192.

[126] Zakariyyā 'Abd al-Mun'im Ibrāhīm al-Khāṭib, op. cit., h. 427.

[127] 'Abd al-Ḥamīd Ismā'īl Al-Anṣārī, Dr., ***Al-Syūrā Wa Athāruhā Fī al Dimuqrāṭiyyah, Dirāsah Muqāranah***, Beirut: Al-Maktabah al-'Aṣriyyah, cet. kedua, t.t., h. 247.

[128] Ibid.

[129] Ibid.

[130] Ibid.

[131] Ibid, h. 227.

[132] Ibid, h. 4.

[133] Ibid.

[134] Muḥammad Jamaluddin Surūr, Dr., ***Al-Ḥayāh al-Siyāsiyyah Fī al-Dawlah al-'Arabiyyah al-Islāmiyyah Khilāl al-Qarnayn, al-Awwal Wa al-Thānī Ba'd al-Hijrah***, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, cet. ketiga, t.t., h. 17.

[135] 'Abd al-Ḥamīd Ismā'īl Al-Anṣārī, op. cit., h. 247.

[136] Lihat Salih Faris Zahrani, ***Political Representation In Islam***, Washington, D.C.: The Catholic University of America, 1982, h. 199.

[137] 'Abd al-Ḥamīd Ismā'īl al-Anṣārī, op. cit., h. 4.

[138] Lukman Thaib, ***Politik Menurut Perspektif Islam***, Kajang: Synergymate Sdn. Bhd., cet. pertama, 1998, h. 150.

[139] 'Abd al-Ḥamīd Ismā'īl Al-Anṣārī, op. cit., h. 247.

[140] Ibid.

[141] Fatḥī 'Abd al-Karīm, ***al-Dawlah Wa al-Siyādah Fī al-Fiqh al-Islāmī, Dirāsah Muqāranah***, Kaherah: Maktabah Wahbah, cet. kedua, 1984, h. 50.

[142] Fatḥī al-Darīnī, ***Khaṣā'iṣ al-Tasyrī' al-Islāmī Fī al-Siyāsah Wa al-Ḥukm***, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, cet. pertama, 1982, h. 145.

[143] Fatḥī 'Abd al-Karīm, op. cit., h. 213.

[144] 'Abd al-Ḥamīd Ismā'īl al-Anṣārī, op. cit., h. 237.

[145] Ibid.

[146] Aḥmad Syawqī al-Fanjarī, ***al-Ḥurriyyah al-Siyāsiyyah Fī al-Islām***, Kuwait: Dār al-Qalam, cet. pertama, 1973, h. 201.

[147] Abū al-A'lā al-Mawdūdī, ***Tadwīn al-Dustūr al-Islāmī***, Damsyiq: Dār al-Fikr, cet. kedua, t.t., h. 58.

[148] 'Abd al-Qādir 'Awdah, ***al-Tasyrī' al-Jinā'ī al-Islāmī Muqāranan Bi al-Qānūn al-Waḍ'ī***, Kaherah: Maktabah al-'Urūbah, j. I, 1963, h. 37.

[149] Zakariyyā 'Abd al-Mun'im Ibrāhīm al-Khāṭib, op. cit., h. 53.

[150] Aḥmad Syawqī al-Fanjarī, op. cit., h. 201.

[151] Al-Imām al-Akbar Maḥmūd Syaltūt, ***al-Islām Aqīdah Wa Syarī'ah***, Beirut: Dār al-Syurūq, cet. kedua belas, 1983, hh. 440 – 441.

[152] Muḥammad Farūq Al-Nabhān, ***Niẓām al-Ḥukm Fī al-Islām***, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, cet. Kedua, 1988, h. 185.

[153] Lukman Thaib, ***Politik Menurut Perspektif Islam***, op. cit., h. 150.

[154] Lukman Thaib, ***Syura & Aplikasinya Dalam Sistem Pemerintahan Masa Kini***, Kuala Lumpur: Penerbit Elman, cet. pertama, 1995, h. 166.

[155] Inter-Parliamentary Union, *Parliaments Of The World*, op. cit., hh. 14, 16, 22.

[156] Lukman Thaib, Dr., ***Politik Menurut Perspektif Islam***, op. cit., h. 152.

[157] Lukman Thaib, Dr., ***Syura & Aplikasinya Dalam Sistem Pemerintahan Masa Kini***, op. cit., hh. 216-217.

[158] Aḥmad Syawkī al-Fanjarī, op. cit., h. 203.